

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

PERCUMA

PM bela nasib penjaja tempatan ► 3

Foto: AFIQ HAMBALI / Pejabat Perdana Menteri



Karyaneka tarik pengunjung pelbagai golongan
► 9 - 11

Cipta memori di Menara Kuala Lumpur
► 15

Ramuan berkualiti API Pizza dari Itali
► 16

Jaga hubungan dengan Allah SWT dan manusia kunci kejayaan

Penerima bantuan YWP raih 9A dalam SPM

HAZIRAH HALIM

SALAH seorang penerima skim bantuan pelajaran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Wan Aleeya Balqis Husin, 18 berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 yang diumumkan baru-baru ini.

Dia yang berjaya memperoleh keputusan 9A mengakui ia merupakan hadiah terindah buat arwah bapanya yang meninggal dunia akibat penyakit Parkinson dan paru-paru berair lima tahun lalu.



WAN ALEEYA

"Selain ahli keluarga lain, arwah bapa adalah tunjang semangat dan kekuatan saya untuk terus berusaha dan belajar bersungguh-sungguh sehingga memperoleh kejayaan ini.

"Arwah ayah meninggal dunia ketika saya berumur 13 tahun.



WAN ALEEYA (lima dari kiri) bersama barisan pelajar cemerlang SMK Viviekananda, Brickfields dalam SPM baru-baru ini.

Sejak itu, apa-apa perkembangan tentang pelajaran saya di sekolah hanya diuruskan oleh ibu," ujarnya sebak.

Katanya lagi, seandainya arwah

bapanya masih hidup, pasti dia sangat berbangga dengan kejayaan yang diperolehi.

"Alhamdulillah, saya cemerlang dalam subjek Pendidikan Islam,

Matematik, Sains, Prinsip Perakaunan, Perniagaan, Ekonomi, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah," ujar pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Viviekananda ini.

Berkongsi rahsia kecemerlangannya, Wan Aleeya berkata solat adalah kunci utama selain kerap bertanya kepada guru atau rakan sekitar yang tidak memahami sesuatu perkara.

"Saya percaya jika kita menjaga hubungan dengan Allah SWT dan manusia, segala urusan pembelajaran akan dipermudahkan serta dalam masa yang sama keberkatan doa daripada ibu," ujarnya lagi.

Dalam masa yang sama, dia juga turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada YWP di atas bantuan-bantuan pendidikan yang diberikan selama ini.

"Bantuan dari YWP ini sangat-sangat membantu saya untuk urusan belajar dan meringankan beban ibu untuk menampung kos pembelajaran saya di sekolah," ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Ditanya mengenai perancangannya pada masa hadapan, Wan Aleeya berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perakuan di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan nekad mahu mengubah kehidupan keluarganya. WK

UniReady 2023 beri pelajar lepasan SPM pendedahan meluas kehidupan di kampus

DIANA AMIR

PROGRAM University Readiness (UniReady) Khas 2023 anjuran Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak diadakan khusus buat pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) 2022 bagi memberi pendedahan meluas mengenai kehidupan sebagai seorang mahasiswa kelak.

Menurut Pengurus Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak, Azman Abidin, program tersebut buat julung kalinya diadakan dan melibatkan kira-kira 13 buah sekolah dari Parlimen Bandar Tun Razak.

"Bagi program kali ini kita mendapat kerjasama daripada pihak Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar lepasan SPM mengenai kehidupan di kampus dan secara tidak langsung menjadikan UNITEN sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat asasi, diploma atau ijazah."

"Peserta juga didedahkan dengan kursus-kursus yang ditawarkan di UNITEN serta peluang-peluang untuk mendapatkan tajaan, geran pendidikan, biasiswa dan sebagainya memandangkan mereka yang terlibat juga terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40)," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Penutupan Program UniReady Khas 2023 di UNITEN baru-baru ini.

Beliau berkata antara objektif



AZMAN (depan, dua kanan) bergambar bersama peserta Program UniReady Khas 2023 yang diadakan selama tiga hari dua malam di UNITEN, baru-baru ini.

pembuahan Yayasan Gerbang adalah untuk menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan kepada murid-murid dalam Parlimen Bandar Tun Razak terutamanya daripada keluarga kumpulan B40.

"Selaras dengan objektif kita, program seperti ini akan diteruskan dengan lebih banyak lagi terutamanya berkaitan pendidikan khusus buat pelajar dari Parlimen Bandar Tun Razak.

"Saya turut berharap program seperti ini akan terus mendapat sokongan daripada semua pihak khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi agar kita dapat memainkan peranan untuk menghasilkan modal insan yang kompetitif dan berkualiti,"

ujar beliau yang juga merupakan Setiausaha Politik Perdana Menteri.

Berkongsi mengenai perkembangan terbaru Yayasan Gerbang, Azman berkata pihaknya akan menumpukan dan memperluaskan Program Rumah Harapan Kak Wan yang telah dilancarkan baru-baru ini khususnya bagi membantu golongan B40 membaiki rumah usang dan rosak di sekitar Bandar Tun Razak.

"Ia merupakan program bersama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan ketika ini pihak Yayasan Gerbang sudah menerima tajaan daripada beberapa pihak di mana sasaran kita seterusnya adalah membaiki sekurang-kurangnya satu buah rumah setiap bulan," jelas beliau. WK

JAWI rai mualaf cemerlang, tamat pengajian KDH

JABATAN Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menganjurkan Majlis Apresiasi Kelas Pengajian Mualaf Wilayah Persekutuan Tahun 2023 bagi meraikan para mualaf yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah sepanjang tempoh pengajian yang dianjurkan Kompleks Darul Hidayah (KDH) JAWI.

Penganjuran majlis yang dilaksanakan sejak tahun 2018 itu dilihat mampu memberi semangat dan galakan kepada para pelajar untuk giat berusaha meningkatkan tahap pencapaian dalam pengajian agama.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Operasi JAWI, Mohd Fadzil Abu Kasim dan turut dihadiri Pendaftar Mualaf Wilayah-Wilayah Persekutuan, Majidah Mokhtar.

Terdahulu, sepanjang tahun 2023, MAIWP telah memperuntukkan RM6.48 juta bagi pengurusan mualaf dan RM1.88 juta daripada jumlah tersebut bagi tujuan pembayaran sugu hati kehadiran pelajar Kelas Pengajian Mualaf JAWI di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Selain KDH, kelas pengajian mualaf juga diperluaskan di tujuh buah masjid terpilih sekitar Kuala Lumpur bagi memberi lebih banyak peluang pembelajaran ilmu asas Islam kepada mualaf. WK



MOHD FADZIL (dua kiri) menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan Lelaki kepada Muhammad Sugumaran Rajagopal yang mempeluk Islam pada tahun 2005.

Penjaja, peniaga syukur PM perjuang hak rakyat

DARIMUKA HADAPAN

HAZIRAH HALIM

KERAJAAN Perpaduan sentiasa komited dalam memastikan nasib penjaja dan peniaga kecil terbaik seterusnya memastikan mereka dapat menjalankan perniagaan dalam suasana kondusif.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata bagi merealisasikan perkara tersebut, Program Lestari Niaga@Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Madani untuk menaik taraf fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada kepada fasiliti yang lebih kondusif dan selesa.

"Sambil kita sibuk membangunkan gedung dan mercu tanda, usah kita sisihkan penjaja dan peniaga yang juga mahukan tempat selesa berserta kemudahan kepada mereka untuk mencari rezeki selain menjadi



ANWAR (dua kanan) melaungkan masa menikmati sarapan pagi di Pusat Penjaja Madani, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Turut sama Rosida (kanan).

lokasi tarikan pengunjung.

"Untuk itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan penyelenggaraan di seluruh 68 pusat penjaja milik DBKL di sekitar ibu kota.

"Ada beberapa kawasan pembersihan air, saliran parit dan bumbung yang akan kita perbaiki

segera pada tahun ini juga," ujar beliau ketika sesi Temu Mesra di Pusat Penjaja Madani, Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Rosida Jaafar.

Antara kerja-kerja naik taraf yang telah dilanjutkan melibatkan pengindahan fasad serta sistem lampu limpah, pertukaran dan penambahbaikan bumbung, kerja-kerja cat semula struktur bumbung dan dinding tepi, pendawaian semula, penggantian semula kipas dan lampu di ruang yang sama termasuk penggantian paip air yang pecah.

Sebelum ini, Anwar berkata beliau akan lebih berbangga jika Kerajaan Perpaduan memberi perhatian dan memberi ruang yang baik kepada penjaja dan peniaga kecil di ibu kota serta bandar besar lain seluruh negara.

Pusat penjaja yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Penjaja Jalan Tuanku Abdul Rahman mempunyai 20 unit gerai dibina pada tahun 1974 dan ia telah dinaik taraf bermula Mac 2023 dan siap pada April 2023.

Sementara itu, peniaga nasi lemak, Azman Katumin, 50, berkata pembaharuan yang dilaksanakan

oleh kerajaan melalui DBKL memberi nafas baharu kepadanya setelah berniaga selama 25 tahun di kawasan tersebut.

"Kalau sebelum ini, keadaannya nampak kosong tetapi dengan inisiatif DBKL menaik taraf semula lokasi niaga ini ternyata memberi tuah kepada seluruh peniaga di sini.

"Kita pun rasa lebih selamat. Kalau dahulu inilah gerai jualan dan inilah juga laluan pejalan kaki tetapi sekarang kalau dah selesai berniaga, kawasan ini akan dikunci sekali gus keselamatan harta benda terjamin," katanya kepada *Wilayahku*.

Perkara tersebut turut diakui Muhammad Razman di mana banyak pembaharuan yang dilakukan kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan peniaga dan penjaja kecil.

"Terima kasih PM dan DBKL. Diharapkan selepas ini dapat diperingkatkan lagi usaha memelihara nasib golongan seperti kami," ujarnya bersyukur Pusat Penjaja Madani juga turut menjadi pilihan pelancong asing. **WK**

Penentuan 1 Zulhijah berlandaskan kriteria Imkanur Rukyah

AHLI falak mengamalkan proses penentuan melalui kaedah rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria Imkanur Rukyah (kebolehnampakan) untuk mengesahkan penampakan anak bulan.

Dalam konteks bulan Zulhijah ia perlu dilaksanakannya bagi menentukan tarikh hari raya iaitu pada 10 Zulhijah supaya ibadah haji dapat disempurnakan.

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan, **Datuk Prof Madya Dr Luqman Abdullah**, tahun ini kriteria itu tidak dapat dicapai di mana anak bulan berada pada dua darjah melengkung bermakna satu kemungkinan untuk kenampakan anak bulan agak sukar.

"Kali ini melibatkan 29 lokasi di seluruh negara namun hasil daripada pengumpulan maklumat di semua lokasi berkenaan, tiada satu tempat pun yang nampak.

"Sekiranya anak bulan kelihatan hari ini (Ahad, 18 Jun) maka Isnin adalah 1 Zulhijah tetapi hari ini anak bulan itu tidak kelihatan di mana-mana

lokasi maka 1 Zulhijah ditetapkan pada hari Selasa (20 Jun) dan Hari Raya Aidiladha jatuh pada 10 Zulhijah iaitu 29 Jun (Khamis)," katanya kriteria baharu dilihat pada aspek ketinggian, darjah menegak dan lokasi.

Di Wilayah Persekutuan, penetapan awal bulan hijri dilakukan di tiga lokasi iaitu Menara Kuala Lumpur, Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan Labuan.

"Proses penentuan tersebut dilakukan oleh para ulama dan ahli falak dengan menggunakan pelbagai kaedah iaitu melalui pandangan mata kasar, menggunakan teodolite dan teleskop bagi proses penentuan hilal atau anak bulan.

"Pengumuman ini juga selaras dengan penetapan anak bulan melalui proses cerapan hilal yang sentiasa dilaksanakan bagi menentukan tarikh-tarikh tertentu seperti permulaan Ramadan, Syawal termasuk bulan Zulhijah," kata beliau kepada *Wilayahku* ketika Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijah 1444H di Wilayah Persekutuan. **WK**



LUQMAN (dua dari kanan) ketika Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijah 1444H di Menara Kuala Lumpur.

Lesen KL Madani dilanjutkan mulai 1 Julai - DBKL

DIANA AMIR

LESEN KL Madani dilanjutkan mulai 1 Julai 2023 khusus bagi pembaharuan lesen untuk setiap enam bulan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan berkata ia antara usaha bagi memperkasakan peniaga dan penjaja kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kadar bagi pembaharuan lesen ialah RM20 bagi fi lesen dan RM30 sebulan bagi caj perkhidmatan selaras dengan tempoh dan kadar lesen sementara yang ada.

"Pemegang Lesen KL Madani yang akan tamat tempoh, dikehendaki memperbaharui lesen secara dalam talian menerusi laman

sesawang <https://elesen.dbkl.gov.my>," katanya.

DBKL turut menegaskan bahwa penjaja dan peniaga yang berniaga secara haram di sekitar ibu kota akan dikenakan tindakan tegas.

"Peringatan buat mana-mana peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah, tamat tempoh dan tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen seperti yang telah dinyatakan secara jelas akan dikenakan tindakan pengukuasaan serta pembatalan lesen," ujarnya.

Sebagai rekod, Lesen KL Madani yang sebelum ini dikenali dengan nama Lesen KL Prihatin diberi nafas baharu dan dijenamakan semula sejajar dengan matlamat Malaysia Madani. **WK**



PEMBAHARUAN Lesen KL Madani dilanjutkan untuk setiap enam bulan secara berterusan mulai Julai. - Gambar hiasan

DBKL, SPWP bantu tunai hasrat 80 penyewa PPR/PA miliki rumah sendiri

HAZIRAH HALIM

SKIM Pembiayaan Khas di bawah penyeliaan Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) diwujudkan bertujuan untuk membantu penyewa sedia ada yang mampu dan berminat untuk membeli rumah yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

SPWP memainkan peranannya sebagai pihak yang bertindak dalam mengurus segala maklumat dan urusan Skim Pembiayaan Khas Pembelian Rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) MTEN / Perumahan Awam (PA) DBKL.

Terbaharu, seramai 80 orang peserta Skim Pembiayaan khas bagi fasa 6 hadir mendengar sesi taklimat dan penyerahan surat arahan bayaran di Wisma Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP),



SESI taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Eksekutif SPWP, Muhammad Izzat Amir Mohd Rahimi kepada peserta-peserta terpilih.

Kampung Baru, pada Rabu.

Ia diadakan secara berperingkat iaitu sesi pertama (9.30 pagi) diikuti dengan sesi kedua (10.30 pagi), sesi ketiga (11.30 pagi) dan terakhir sesi keempat (2.30

petang).

Salah seorang penyewa di PPR Sri Pantai, Azrina Herman, 45, berkata dia dan suami hadir pada sesi taklimat itu bagi mengetahui info lebih lanjut berkaitan

skim tersebut termasuk proses pembayaran dan syarat-syarat yang dikemukakan.

"Kami mendapat tawaran untuk membeli rumah daripada pihak DBKL sejak tahun 2010 lagi tetapi disebabkan ketika itu masih tidak mempunyai kewangan yang stabil kami menangguhkan tawaran tersebut.

"Namun, pada tahun 2020 yang lalu, memandangkan anak sudah besar dan kami sudah menetap di sini sejak Disember 2006, jadi saya dan suami membuat keputusan untuk membeli rumah ini," ujarnya yang memohon pembelian melalui Skim Pembiayaan Khas yang disediakan oleh pihak SPWP.

Tambahnya lagi, dia bersyukur kerana telah dihubungi pihak peguam untuk menandatangani perjanjian.

"Kami sangat gembira apabila menerima panggilan daripada

SPWP yang menyatakan kami terpilih dan perlu hadir pada sesi taklimat," ujar Azrina teruja menerima surat arahan pembayaran balik pembiayaan.

Dalam masa yang sama, Azrina turut memuji kakitangan SPWP yang sentiasa memberi kerjasama baik dalam segala urusan yang dilaksanakan.

"Saya faham kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu menyebabkan banyak yang tergenda dan segala proses permohonan ditangguhkan. Namun, *alhamdulillah* mereka sangat membantu," kata ibu kepada tiga orang anak ini.

Dia turut berharap skim ini dapat membantu lebih ramai lagi pihak dan sentiasa bekerjasama dengan pihak DBKL untuk mengenal pasti mana-mana individu yang memerlukan terutama warga kota. **WK**

Pendaftaran RM200 eBelia Rahmah boleh dituntut mulai 26 Jun

BELIA berumur 18 hingga 20 tahun atau pelajar sepenuh masa yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) boleh mula mendaftar untuk menerima kredit RM200 bagi Program eBelia Rahmah mulai Isnin, 26 Jun ini pukul 8 pagi, kata Kementerian Kewangan (MoF).

MoF dalam kenyataan baru-baru ini berkata tempoh pendaftaran dan tuntutan eBeliaRahmah adalah mulai 26 Jun hingga 22 Ogos 2023.

MoF berkata golongan belia yang layak boleh mendaftar melalui salah satu daripada tiga penyedia perkhidmatan e-dompet iaitu Boost, Setel dan Touch 'n Go eWallet.

"Kredit eBeliaRahmah serta manfaat padanan daripada penyedia perkhidmatan e-dompet terlibat boleh dibelanjakan secara 'offline' hingga 31 Ogos 2023," kata MoF.

MoF berkata program berkenaan adalah terbuka kepada golongan belia warganegara Malaysia yang mencapai umur 18 hingga 20 tahun pada 2023 iaitu mereka yang lahir pada 2003 hingga 2005 atau berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa di IPT dalam negara.

MoF berkata selain bantuan RM200 dalam bentuk kredit e-tunai daripada kerajaan, penyedia perkhidmatan e-dompet yang

terlibat turut memberikan insentif tambahan dalam bentuk baucar, pulangan tunai atau diskon mata ganjaran sepanjang tempoh program berkenaan.

"Kredit RM200 ini juga boleh dimanfaatkan di peruncit atau peniaga yang menerima pembayaran melalui kod QR DuitNow dengan menggunakan salah satu e-dompet yang terlibat dalam program ini, namun tertakluk kepada transaksi

yang dibenarkan," kata MoF.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2023 Malaysia Madani di Dewan Rakyat pada 24 Februari lepas menyatakan bahawa kerajaan akan memberikan kredit e-tunai berjumlah RM200 kepada dua juta belia berusia 18 hingga 20 tahun, melibatkan peruntukan RM400 juta. - **BERNAMA**



Kerana pemandu songsang

AKIBAT kecuaian orang lain, penunggang motosikal besar yang tidak berdosa terbunuh dalam kemalangan di Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) baru-baru ini.

Penunggang motosikal Ducati Panigale, Ahmad Fadzil Omar Azzadin, 62, meninggal dunia akibat kecederaan parah selepas terbidas dan jatuh dari jejambat SUKE dalam usaha mengelak penunggang motosikal lain yang melawan arus.

Kawan-kawan Kedai Kopi bersimpati dengan keluarga Allahyarham dan semoga bersabar. Mudah-mudahan roh arwah dicurci rahmat dan diampuni dosa. Sungguh tragis kematian disebabkan kelalaihan orang lain. Namun itulah ketentuan Ilahi.

Begini pun, itu perlu diberi perhatian serius kerana kes kenderaan dipandu melawan arus sudah beberapa kali berlaku, bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di tempat-tempat lain. Ada kes sangga melawan arus, ada juga kerana pengaruh dadah atau minuman keras.

Pemandu seperti ini tidak harus berada di atas jalan raya. Tetapi siapa boleh menjangka mereka akan melakukan perbuatan gila yang membahayakan orang lain sehingga meragut

nyawa. Apabila kemalangan sudah terjadi, barulah diketahui perbuatan mereka.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, pemandu berbahaya adalah ancaman kepada semua pengguna jalan lain. Bukan sahaja kisah melawan arus, tetapi banyak kes lalai memandu akibat terlena, mabuk, dipengaruhi dadah atau kenderaan tidak berfungsi dengan baik.

Maka berlakulah kes seperti pemandu rempuh mereka yang sedang berteduh daripada hujan di bawah jejambat, rempuh yang membawa maut. Ada pula rempuh terhadap polis yang mengadakan sekatan jalan raya sehingga maut.

Selain itu banyak kes kenderaan besar, terutama lori, rempuh kenderaan yang sedang bergerak atau berhenti pada lampu isyarat, membawa kepada kematian. Alasan sering diberi kerana kerosakan brek.

Kenapa kenderaan yang tidak berada dalam keadaan baik dibiar bergerak di jalan raya? Tidak pedulikah membuat pemeriksaan teliti terlebih dahulu sebelum bergerak? Kenapa sudah berlaku kemalangan baru mendakwa kerosakan itu dan ini?

Apabila sudah berlaku kemalangan barulah pihak polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendedahkan pemandu tersebut telah melakukan banyak kesalahan lalu lintas dengan banyak saman belum dijelaskan.

Mungkin bangga memaklumkan kepada orang ramai tetapi sudah terlambat. Kenapa tiada tindakan awal jika saman tidak dibayar sehingga berlonggok? Ini akan hanya menyebabkan orang

ramai tertanya-tanya dan memberi gambaran kurang baik terhadap pihak penguat kuasa.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap kecuaian di jalan raya ditangani dengan serius tanpa kompromi. Pelaku mesti diambil tindakan tanpa belas kasihan. Jangan biarkan orang berbahaya ini berkeliruan di jalan raya mengancam keselamatan orang lain.

Ramainya ponteng SPM

TERKEDU kawan-kawan Kedai Kopi apabila tahun 14,858 calon SPM 2022 daripada seramai 388,382 calon tidak hadir peperiksaan walaupun telah mendaftar kali pertama sekurang-kurangnya untuk enam mata pelajaran.

Pada peperiksaan SPM 2021, jumlah yang tidak hadir juga tinggi iaitu 10,861 calon. Bermakna jumlah yang tidak hadir pada 2022 meningkat sebanyak 3,997 calon. Ini satu perkembangan yang merisaukan. Lebih membingungkan kemungkinan jumlah ini meningkat dalam SPM 2023.

Walaupun jumlah yang terlibat dilapor merangkumi pelajar sekolah kerajaan dan persendirian, kawan-kawan Kedai Kopi rasa majoritinya adalah calon sekolah kerajaan memandangkan pelajar sekolah berkenaan lebih ramai.

Sukar dibuat andaian kenapa begitu ramai gagal hadir peperiksaan sekalipun telah mendaftar. Apa yang terpahat dalam minda mereka sebenarnya? Sengaja mendaftar tetapi tidak berhasrat menduduki peperiksaan?

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dikatakan akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti punca masalah tersebut, seterusnya mencari jalan agar ia dapat dikekang. Berapa lama masa diperlukan untuk kajian ini tidak diketahui.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, kajian sepatutnya dari peringkat awal dahulu apabila dikesan ramai tidak hadir peperiksaan, bukan hanya tahun ini. Langkah ke arah ini sewajarnya sudah dijalankan pada SPM 2021 dan sebelumnya.

Jumlah yang ponteng pada 2021 seramai 10,861 calon sepatutnya menjadi peringatan kepada KPM mengambil tindakan perlu, bukan menunggu angka terus bertambah. Jika dibiarkan lebih lama, masalah akan lebih bertambah rumit.

Inilah situasi yang terpaksa dihadapi sekarang, mencari punca hampir 15,000 calon gagal hadir. Bukan tugas mudah untuk mengumpul fakta dan data meyakinkan untuk membolehkan tindakan konkrit diambil.

Juga tiada jaminan kesimpulan kajian nanti menjamin masalah itu dapat diatasi sepenuhnya, apakah lagi jika ia memang kerana sikap pelajar sendiri yang tidak peduli pun hadir periksa kerana tidak berminat.

Namun sekurang-kurangnya kajian tersebut boleh dijadikan garis panduan umum mengekang masalah ponteng periksa ini jika pun gejala itu tidak dapat diatasi sepenuhnya. Sekurang-kurangnya usaha dilakukan. Kunci utamanya pelajar sendiri. Muah berjaya atau tidak.

TOURISM
MALAYSIA®Tourism
perak
MALAYSIA

LEMBAH *Lenggong*

ARCHAEOTOURISM
& GEOPARK PACKAGESsila imbas kod QR
untuk maklumat lanjut

Inilah
Masanya!
cuti-cuti Malaysia



www.malaysia.travel



ikuti kami: Malaysia Truly Asia

Putar alam di Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

KEWUJUDAN sekelompok manusia yang mencari makan dengan kerja ‘putar alam’ di Kuala Lumpur bukanlah satu yang baru. Ia sudah lama dan terus berlaku pada semua zaman. Malah seolah-olah sudah diterima umum bahawa itu ‘pekerjaan’ untuk hidup di kota yang sangat mencabar itu.

Sebenarnya warga Kuala Lumpur lebih dulu berdepan dengan masalah ‘penipu’ atau istilah popular sekarang ‘scammer’ yang menggunakan kecanggihan teknologi. Scammer zaman dulu menggunakan kaedah konvensional – tipu secara berdepan dengan senyum yang manis.

Dulu lebih dikenali dengan istilah ‘kaki putar alam’ yang definisi secara longgarnya membawa maksud penipu atau ‘scammer’. Pekerjaan itu menuntut tebal muka yang tahap tinggi, berani redah dan keupayaan putar belit yang tinggi. Mereka bergerak secara sendirian dan berada dalam kelompok masyarakat.

Kalau sekarang kita terdedah dengan perangkap ‘scammer’ begitulah halnya sebelum wujudnya teknologi canggih. Kaki putar alam yang berkeliaran itu sukar untuk dibezakan dengan orang yang baik. Bagaimanapun kerana menggunakan skrip yang orang boleh hafal, agak mudahlah kita mengena mereka. ‘Intro’ skrip sudah boleh tahu maksudnya.

Penipuan berskala kecil selalunya dengan cara pinjam duit, bincang projek air liur juta-juta dan yang menjadi pemandu teksi pula ‘sembelih’ penumpang dengan tambang yang berkali ganda mahalnya. Daripada semua itu, yang amatur selalu menggunakan kaedah pinjam duit kononnya dompet sudah dirembat penyeluk saku.

Saya sendiri beberapa kali didatangi individu yang tidak kenali meminta pinjam duit untuk balik kampung. Kononnya dompet kena ragut dan habis semua duit dan kad pengenalananya. Tujuannya supaya kita tidak dapat menjeknya.

Jumlah yang diminta tidaklah banyak – lebih kurang RM10 atau RM20. Tetapi kalau selalu terkena banyak jugalah jumlahnya. Mula-mula dulu disebabkan rasa simpati dengan skripnya, hulur jugalah sekeping dua walaupun saya sendiri tengah ‘kering-kontang’.



MENJADI orang baik di Kuala Lumpur boleh terdedah menjadi mangsa kaki putar alam. - Gambar hiasan

Orang tua-tua selalu berpesan, bantulah orang yang dalam kesusahan. Kelak akan ada orang membantu kita yang ditimpah ujian. Saya melakukan secara ikhlas dengan harapan masalahnya menjadi ringan.

Selang seminggu, individu itu membacakan skrip yang sama kepada saya. Barangkali disebabkan terlalu banyak yang ditipu, dia pun tidak ingat orang telah menjadi mangsanya. Pelanduk selalu lupa akan jeratnya.

Ada kalanya kerana hendak mengorek cerita yang lebih dalam lagi, saya mengajak minum di warung berdekatan. Ternyata daripada perbualan tanpa skrip itu telah mendedahkan tragedi hilang dompet itu hanya lakonan. Tanpa sedar dia sebenarnya menjadi dirinya sendiri.

Malah Allahyarham Tan Sri Zainuddin Maidin (Zam) yang menjadi ketua nombor satu saya di Utusan Melayu juga mengingatkan tentang perkara yang sama – putar alam. Pada hari pertama berada di Utusan Melayu, Zam berpesan, “You kena berhati-hati, Kuala Lumpur bukan macam Kangar. Di sini banyak conman. Depa ni dok melewaq (berkeliaran) cari mangsa.”

Pada awal-awal Central Market dibuka dulu, dua restoran mamak di pusat seni kraf itu menjadi tempat ‘kaki putar alam’ menjual minyak dengan gaya ahli perniagaan bersidai mencari mangsa. Penampilan kemas, kot dan tali leher tidak kira masa, sentiasa kilik briefcase yang sekalipun tidak pernah nampak dibuka.

Kalau didekati, kita akan dengar dialog-dialog sembangnya seperti

“Dalam keadaan Kuala Lumpur yang tebal dengan stigma ‘banyak kaki putar alam’ tanggungjawab kita membuat kebaikan kita mesti diteruskan.”

drama pukul tujuh di televisyen sekarang ini. Sembang rancak buat business juta-juta, proposal itu dan proposal ini. Tetapi akhirnya mi goreng mamak dan teh tarik pun kawan yang bayar.

Orang seperti itu hanya boleh setakat menjadikan rakan sembang sambil meneguk teh tarik. Hanya setakat itu. Kalau hendak minta modal untuk beli saham itu dan ini, buat projek sana dan sini, minta maaf sajalah. Sebenarnya tidak menjadi kaki putar alam pun kita boleh kenal orang yang jenis itu.

Begitu juga dengan sindiket peminta sedekah terutama oleh wanita asing yang mendokong bayi yang bercambah di Kuala Lumpur. Susah hendak dibezakan antara yang benar-benar peminta sedekah dan sindiket. Bukanlah besar sangat pun jumlah yang diminta, tetapi kalau banyak kali terbit juga rasa marah juga kerana ditipu.

Kalau yang membawa bayi yang masih merah, selalunya saya mengajak makan. Bagaimanapun mereka menolak dengan sungguh-sungguh dan tidak mau dibelanja makan. Maka dapatlah dijangka yang mereka itu sedang bekerja dan mungkin menjadi syarat tidak boleh makan dengan ‘penyumbang.’

Walaupun di Kuala Lumpur

banyak penipu, tetapi kita mesti terus menjadi orang baik. Malah mesti terus mempertajamkan rasa kemanusiaan apabila berdepan manusia lain terutama yang memerlukan bantuan. Adalah suatu yang tidak adil untuk pulak rata bahawa semua yang datang meminta bantuan adalah kaki putar alam.

Ada juga yang berkata, menjadi orang baik di Kuala Lumpur boleh terdedah menjadi mangsa kaki putar alam. Tanggapan itu memang ada benarnya, akan tetapi tidak boleh dijadikan pegangan. Malah tidak boleh dengan sengaja menjadi orang yang tidak baik hanya kerana mengelak dimangsa.

Lagipun itu bukan penyelesaian dalam berdepan dengan kemunculan banyak penipu yang menjadikan ia sebagai satu bentuk pekerjaan. Malah tidak seharusnya menjadi hilang kemanusiaan yang satu-satunya anugerah tertinggi kepada manusia.

Sebaliknya mesti terus berusaha menjadi orang yang sebaik-baiknya. Pada masa yang sama tingkatkan kewaspadaan serta bijak membaca gerak manusia yang berkemungkinan memangsakan kita. Tujuannya supaya tidak menjadi mangsa, masa yang sama tidak menjatuhkan kedudukan sebagai orang yang baik daripada sudut perilaku dan susilanya.

Dulu, ketika masih menunggang motor kapcai dan selalu pula membawa dua topi keledar, saya membuat peraturan tidak menumpangkan orang yang tidak dikenali.

Saya berwaspada kemungkinan individu itu orang yang bermasalah – membawa barang yang salah

di sisi undang-undang. Atau kemungkinan merompak saya apabila sampai ke suatu tempat yang sunyi. Bagaimanapun saya tetap menolong dengan memberikan duit sebagai tambang teks.

Begitu juga ketika sudah mempunyai kereta. Saya berikhtiar menolong dengan cara lain kepada yang datang dan menyatakan mereka berada dalam kesusahan – mahu menumpang kereta. Tentu tidak adil untuk menganggap semua yang datang meminta bantuan itu penipu. Maknanya kita boleh terus berbuat baik dengan cara tertentu supaya tidak terjerat sekitar diperdaya.

Tanggapan bahawa orang baik sahaja yang menjadi mangsa samalah dengan mendorong orang supaya menjadi tidak baik. Hal itu bertentangan dengan keberadaan kita sebagai manusia untuk terus mempromosi kebaikan – kepada sesama manusia. Hanya dengan berbuat baik sahaja yang memungkinkan hasilnya baik.

Maka dalam keadaan Kuala Lumpur yang tebal dengan stigma ‘banyak kaki putar alam’ tanggungjawab kita membuat kebaikan kita mesti diteruskan. Jangan sama sekali terganggu dengan tanggapan yang berbuat baik menjadi mangsa.

Menjadi manusia baik bukan satu pilihan akan tetapi kemestian. Mesti. Tidak ada hujah yang mewajarkan kita untuk berbuat tidak baik atas apa alasan sekalipun. Maka dengan terus berbuat baik kita setidak-tidaknya menyumbang menjadikan Kuala Lumpur kota peradaban.



RIWAYAT MISTIKAL

Aku mengejar hakikat
di arus fatamorgana
sesak dengan mimpi
imitasi yang tersembunyi
mimesis menjadi katarsis.

Aku keluar dari perspektif
melihat ombak menjadi akal
burung burung tanpa nama
bersarang di rumah sketsa
di kanvas penuh luka!

M SYAZWI
Langkawi, Kedah.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Jangan sampai ‘kerusi terbang’ lagi!

PERIBAHASA berkata ‘sekali kena kali kedua tahu’.

Kejadian pertama yang menimpa wajar jadi ingatan agar tidak berulang.

Tetapi bukan semua berpegang kepada peribahasa ini. Selepas beberapa ketika, apa yang berlaku dilupa dan kesalahan sama diulang. Benarlah ramai daripada kita, termasuk warga kota, mudah lupa dengan melakukan kesilapan sama.

Adi utarakan isu ini apabila membaca laporan mengenai sikap para penghuni sebuah blok Flat Sri Pantai, Kuala Lumpur yang tidak berubah. Mereka terus membuang sampah atau objek sesuka hati walaupun perbuatan tersebut pernah meragut nyawa seorang remaja penduduk flat berkenaan pada 2018.

Masih ingatkah kejadian remaja lelaki berusia 17 tahun itu maut akibat ditimpak ‘kerusi terbang’ yang dibuang dari tingkat atas pada 17 Januari 2018? Sikap tidak bertamadun ini telah meragut nyawa seorang anak muda yang tidak berdosa.

Rendah sungguh kesedaran sivik individu terlibat. Bukan sahaja sampah sarap dibuang dari tingkat atas sehingga bersepah merata-rata, objek berat pun dibuang yang pastinya sangat membahayakan orang yang lalu-lalang di bawah.

Bayangkan kepedihan yang terpaksa ditanggung oleh keluarga remaja tersebut akibat sikap buruk pelaku sedangkan si pelaku tidak pernah memikirkan kesengsaraan ini. Jika dia bertanggungjawab tentu tidak membuang objek tanpa sedikit pun rasa bersalah.

Adi percaya ramai kesal dengan perbuatan tidak berhati perut ini. Sewajarnya peristiwa itu menjadi ingatan dan pengajaran agar penghuni flat berkenaan tidak lagi membuang sampah merata-rata dan menjaga kebersihan flat serta persekitaran.

Itu adalah tempat kediaman yang mesti dijaga sebaik mungkin. Semua kemudahan yang disediakan seperti lif hendaklah dijaga dengan baik, tidak dirosakkan. Bersyukurlah ada rumah tempat



WARGA kota walaupun tinggal di perumahan kos rendah mesti menjadi masyarakat berminda kelas pertama. - Gambar hiasan

berlindung daripada panas dan hujan berbanding yang masih tercari-cari tempat kediaman.

Tetapi sayangnya, memetik laporan, sampah masih dibuang merata-rata di sekeliling blok berkenaan. Jaring yang dipasang di tangga dijadikan tempat buang sampah. Jaring ini dipasang susulan peristiwa ‘kerusi terbang’ dalam usaha menahan sampah terlepas ke bawah membahayakan penduduk.

Namun lain pula jadinya. Jaring tersebut pula dijadikan tong sampah oleh penduduk. Matlamat asal disalah guna. Jaring penahan ini jika diasak dengan pelbagai sampah sarap akhirnya boleh koyak.

Akhirnya sampah dalam jaring terburai dan jatuh ke merata-rata tempat. Sia-sia sahaja usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa untuk melindungi penghuni flat. Mereka sendiri yang merosakkannya.

Adi optimis bukan semua yang menduduki blok berkenaan bersikap tidak ambil peduli aspek keselamatan dan keselesaan persekitaran. Tetapi sikap sebahagian mereka yang tidak

“DBKL mesti tegas menangani masalah penghuni yang tidak ada semangat kejiranian, membuang sampah atau objek dari atas dan merata-rata kawasan flat atau merosakkan kemudahan awam.”

ambil peduli merosakkan nama baik penduduk keseluruhannya. Adakah mahu peristiwa ‘kerusi terbang’ berlaku lagi?

Kerana itu Adi difahamkan, ramai penghuni kesal dengan sikap penghuni lain yang tidak menjaga kedamaian persekitaran dan kesejahteraan penduduk dengan terus-menerus membuang sampah seolah-olah kawasan flat adalah loji buang sampah.

Bukan pihak berkuasa tidak memantau dan mengambil tindakan, tetapi kedegilan sukar dikikis. Walaupun surat amaran dan kompaun dikenakan, ia tidak mengubah sikap yang sudah bersarang dalam diri sejak lama.

Selain itu pihak persatuan penduduk juga memberi teguran kepada yang terlibat agar membuang sampah di tempat disediakan, bukan di mana mereka fikir hendak buang. Namun teguran ini juga tidak diendahkan. Terlebih tegur boleh menimbulkan masalah lain pula.

Satu cara yang dilakukan ialah melaporkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Namun amaran dan tindakan DBKL pun tidak dipedulikan. Kelompok ini rasanya memang jenis degil

yang suka membuat kotor merata-rata.

Penduduk prihatin nyata tidak senang apabila sampah sarap dibuang di sekitar lif dan kaki lima. Pastinya sampah yang terbiar ini menimbulkan bau busuk sehingga mengganggu penduduk, kecuali mungkin bagi mereka yang melakukan aktiviti membuang sampah berkenaan.

Lebih teruk, ada penduduk dari aras lain dilapor membuang sampah di aras lain. Pandai pula tidak mahu aras sendiri kotor tetapi tanpa segan silu membuang sampah dan mengotori kawasan orang lain. Sangat tidak beradab perbuatan ini.

Pihak persatuan penduduk juga mengadakan gotong-royong membersihkan flat dan kawasan persekitaran. Tetapi jumlah yang hadir sangat sedikit dan kerap kali orang yang sama. Bagi Adi ini menunjukkan memang ramai yang tidak endah hal kebersihan ini.

Kata bijak pandai ‘rumahku syurgaku’. Tetapi bagaimana mahu merasai nikmat tinggal damai di rumah jika persekitaran tidak bersih, kemudahan awam seperti lif rosak sehingga menyusahkan penghuni, terutama yang tinggal di tingkat atas.

Ini bukan isu baharu sebenarnya. Lif di Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) sering kali rosak. Sedihnya, dalam banyak kes kerosakan ini adalah kerana perbuatan vandalisme daripada kalangan penduduk sendiri.

Terdapat segelintir yang gatal tangan membuat kotor dalam lif atau merosakkan butang lif sehingga lif tidak berfungsi. Siapa yang rugi, terutama waktu kecemasan? Kalau kena batang hidung sendiri baru tahu akibatnya.

Kenapakah isu ini sering kali hanya dikaitkan dengan PPR atau PA? Di perumahan lain pun ada lif tetapi dijaga dengan baik. Sampah dibuang di tempat sepatutnya. Ini contoh yang sepatutnya jadi ikutan.

Sikap ini mesti ditanam dalam diri. Kesedaran menjadi penghuni yang baik dan bertanggungjawab mesti dipupuk tanpa paksaan orang lain. Bukan juga kerana ada undang-undang. Belajar mendidik diri sendiri. Kesannya akan lebih memberangsangkan.

Bagi Adi, DBKL mesti tegas menangani masalah penghuni yang tidak ada semangat kejiranian, membuang sampah atau objek dari atas dan merata-rata kawasan flat atau merosakkan kemudahan awam. Ini merangkumi semua PPR dan PA, bukan di kawasan tertentu sahaja. Kelompok seperti ini memang tidak layak menduduki perumahan DBKL.

Kerana itu, jika surat amaran dan kompaun tidak diendahkan, DBKL wajar mengambil tindakan lebih drastik dengan meminta penyewa mengosongkan unit mereka. Ini sahaja cara mengajar mereka untuk sedar sikap tidak baik bakal membawa padah.

Harus diingat masih ramai berbaris menunggu untuk mendapat kemudahan menduduki PPR atau PA milik DBKL. Mereka ini lebih wajar diberi peluang daripada membiarkan penghuni sedia ada yang tidak menghargai kemudahan diberi.

Adi harap para penghuni ubahlah sikap, ubahlah mentaliti. Hargai kemudahan diberi. Kuala Lumpur ialah ibu kota kelas pertama. Maka warga kotanya juga mesti menjadi masyarakat berminda kelas pertama. Jangan sampai sejarah ‘kerusi terbang’ berulang.

Adi—Suka kerusi rotan

Ali Taah

Sajak

10 ZULHIJAH

Bukit-bukit hitam ada akal-akal putih bayang bayang muhasabah terbit dari ralat sejarah berhimpun di pasir pasir munajat pada perspektif berkat.

Memutih berbaris segala hati doa tumbuh dan mengalir langit menjadi cermin figuratif yang pasrah nawa'ut yang merah rindu menjadi cinta pada abadi yang setia.

SOLIHIN OSMAN
Dangau Seni, Kangar

SKETSASEMASA

SEBARANG bentuk penulisan seperti rencana, analisis isu, pendapat atau sajak boleh die-melkan kepada editor untuk siaran di dalam akhbar Wilayahku:

editorwilayahku@gmail.com



Ringan kos baik pulih kediaman

Mangsa ribut lega terima bantuan YWP

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa cakna dengan kebajikan serta kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan (WP) selari dengan objektifnya membantu mereka yang memerlukan.

Terbaru, YWP tampil menghulurkan sumbangan kepada empat orang penduduk yang terjejas dalam kejadian ribut di Jalan Kuching dan Kampung Chubadak yang memusnahkan lima kediaman pada 19 Mei lalu.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Gulam Muzaffar Gulam Mustakim** bantuan secara *one-off* ini bukti bahawa pihak YWP sentiasa mengutamakan warga WP yang dalam kesusahan.

"Bantuan ini juga menunjukkan kebersamaan pihak YWP yang sentiasa bersedia dan menjadi antara badan bukan kerajaan (NGO) pertama yang tampil dalam memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. WK

"Alhamdulillah bantuan berbentuk wang tunai ini dapat meringankan beban empat orang penduduk Flat PKNS, Jalan Kuching dan seorang dari Kampung Chubadak.

"Kesemua mangsa dalam keadaan baik dan tidak dipindahkan ke mana-mana Pusat Pemindahan Sementara (PPS)," ujar beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Batu.

Sementara itu salah seorang penerima, Mohd Saiful Othman, 42, berkata bantuan yang diterima dapat mengurangkan bebannya membaik pulih kerosakan kediaman.

"Saya kerugian sebanyak RM5,000 namun saya bersyukur kerana masih ada pihak yang prihatin dan sudi membantu. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak YWP, wakil parlimen Batu dan Persatuan Penduduk Jalan Kuching," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Terdahulu, sesi penyerahan bantuan diadakan di Pejabat Persatuan Flat PKNS, Jalan Kuching. Turut hadir wakil penyumbang Tabung Kebajikan dan Pelajaran YWP yang juga Pengurus Projek Mah Sing Group Bhd, Shukry Aseman. WK



GULAM (dua kanan) menyampaikan bantuan wang tunai kepada Mohd Saiful (dua kiri). Turut sama Shukry (kiri).

Tulis wasiat hanya 30 minit melalui perkhidmatan EzyWasiat

SABRINA SABRE

MAYBANK Islamic Berhad baru-baru ini melancarkan EzyWasiat, perkhidmatan penulisan wasiat yang inovatif dan efisien untuk umat Islam di Malaysia.

Perkhidmatan digital baharu ini membolehkan pelanggan merancang dan menyediakan wasiat mereka dengan lebih cekap dan teratur, selaras dengan syariah dan undang-undang faraid.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, **Datuk Mohamed Rafique Merican**, EzyWasiat merupakan salah satu tawaran baharu di bawah penyelesaian pengurusan harta patuh Syariah Maybank Islamic yang holistik serta merangkumi semua lima teras pengurusan kekayaan – penghasilan, pengumpulan, perlindungan, penyucian dan pengagihan.

"Platform EzyWasiat dibangunkan mengikut model bantuan unik di mana pelanggan akan dibantu secara langsung oleh penasihat pengurusan kekayaan patuh syariah atau pengurus hubungan yang akan menggabungkan algoritma faraid untuk memudahkan proses penulisan wasiat."

"Pelanggan hanya perlu menyediakan dokumen yang betul dan dengan bayaran serendah RM600, penulisan wasiat mereka boleh disempurnakan dalam masa 30 minit sahaja," katanya menerusi satu kenyataan media.

Mohamed Rafique berkata tujuan utama EzyWasiat adalah untuk memberikan kelapangan minda dalam pengurusan harta dan memastikan harta tersebut diuruskan dengan betul setelah pemergian individu.

"Perancangan harta dan warisan adalah



DARI kiri: KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan Create Wills Sdn Bhd, Raymond Dinesh Gabriel, Mohamed Rafique dan Ketua Pengurusan Kekayaan dan Pembangunan Perniagaan Patuh Syariah Maybank Islamic, Ahmad Shareza pada Majlis Pelancaran EzyWasiat di Kuala Lumpur.

perkara yang harus diberikan keutamaan. Terdapat banyak laporan media yang menyebut harta atau aset bernilai lebih daripada RM70 bilion yang masih belum lagi diagihihkan dan ia adalah disebabkan kurangnya kesedaran tentang kepentingan merancang pembahagian harta sebelum kematian," ujar beliau pelancaran EzyWasiat adalah selaras dengan aspirasi bank untuk membangunkan penyelesaian baharu dan inovatif yang dapat memberikan impak positif kepada komuniti secara meluas.

Terdahulu, Maybank Islamic juga telah melancarkan perkhidmatan dalam talian iaitu EzyQurban untuk memudahkan amalan Qurban sempena sambutan Aidiladha dalam kalangan pelanggannya. Ini juga bagi membolehkan para pelanggan merancang kewangan mereka untuk menunaikan kewajipan Qurban pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut tentang EzyWasiat, termasuk integrasi faraid dalam pengurusan harta, layari Maybank.my/EzyWasiat atau hubungi Maybank Islamic di wealthdistribution@maybank.com. WK

YWP buat kunjungan hormat ke pejabat TF Parking Sdn Bhd

WAKIL Jabatan Media dan Komunikasi Strategik Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas salah sebuah syarikat penyumbang Tabung Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Wilayah Persekutuan, TF Parking Sdn Bhd.

Sesi kunjungan hormat itu bagi mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman antara kedua belah pihak.

Dalam sesi yang berlangsung selama satu jam itu, YWP turut mengetengahkan perkara berkaitan pengurusan dana sumbangan yang bakal diagihihkan kepada warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan.

Terdahulu, YWP akan mengadakan lawatan secara berperingkat ke semua syarikat yang telah menyumbang sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas sokongan dalam membantu warga Wilayah Persekutuan. WK



EKSEKUTIF Kanan Jabatan Media dan Komunikasi Strategik YWP, Zaleha Dullah (dua kiri) menyampaikan resit pelepasan cukai dan surat penghargaan bermula RM50,000 kepada Ketua Pegawai Pemasaran TF Parking Sdn Bhd, Khairul Fahmy Sa'adon di Petaling Jaya baru-baru ini.

Karyaneka tarik pengunjung pelbagai golongan

PRODUK kraf tangan beraneka bentuk seperti gubahan hiasan, seni ukiran, seni pertukangan, seni tenunan tekstil dan lain-lain dapat menarik perhatian pelbagai golongan tidak mengira kaum dan peringkat umur.

Golongan kanak-kanak tidak terkecuali

untuk menikmati pengalaman berharga di samping menimba ilmu mempelajari sejarah dan cara pembuatannya.

Dalam kunjungan *Wilayahku* ke Karyaneka yang terletak di Kompleks Kraf, Jalan Conlay baru-baru ini, kelihatan beberapa kumpulan pelajar sekolah yang

teruja untuk mengetahui secara lebih dekat aktiviti pembuatan kraf tangan.

Usaha ini sangat bermanfaat mendedahkan generasi muda untuk lebih menghargai seni warisan turun-temurun.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Tingkat usaha promosi industri kraf di mata dunia



Foto: AMIN FARU HASAN
HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

INDUSTRI kraf tangan negara kini dilihat semakin melonjak naik seiring usaipah kerajaan memberi penumpuan untuk memperkasakannya.

Memandangkan ia mendapat perhatian masyarakat dalam mahupun luar negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Kraftangan Malaysia menubuhkan kedai cenderamata, Karyaneka bagi menempatkan produk-produk kraf tangan tempatan yang berkualiti dan inovatif.

Fungsi utamanya adalah untuk

memasarkan produk kraf tempatan daripada usahawan kraf seluruh negara selain turut memberi khidmat pembekalan hadiah dan cenderamata korporat kepada badan kerajaan dan swasta termasuk pelancong antarabangsa.

Sejarah misinya untuk memasar dan menggalakkan penggunaan kraf Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa, Karyaneka melalui 10 outlet di seluruh Malaysia menampilkan pelbagai kategori produk seperti batik, songket, anyaman dan ukiran kayu.

Pengurus Pemasaran Karyaneka, **Nooraidi Hamzah** berkata setiap outlet memfokuskan kepada penjualan dan



pemasaran koleksi batik di mana ia telah dikategorikan sebagai peratus jualan tertinggi selaras dengan usaha pihak Kraftangan Malaysia mempromosikan kempen Ini Batik Malaysia.

"Kami juga giat mempromosikan batik bagi menggalakkan lebih ramai menggunakan batik terutama penjawat awam

selain dalam masa yang sama membantu usahawan batik memasarkan produk mereka.

"Kategori produk laris adalah batik, cendermata, songket, anyaman dan ukiran kayu," ujarnya mereka turut menerima kunjungan pelajar sekolah bagi mendedahkan mereka dengan seni kraf



tangan.

Nooraidi berkata Karyaneka juga merancang untuk memasarkan produk batik bersiri yang dihasilkan sendiri oleh pereka atau usahawan kraf di bawahnya.

"Selaras dengan hasrat Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Saraya Arbi untuk membawa produk kraf tempatan ke peringkat antarabangsa, maka kita akan berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan industri kraf negara di mata dunia," katanya kepada Wilayahku.

OUTLET BAHARU DI MUZIUM NEGARA

PEMBUKAAN cawangan baharu Karyaneka di Muzium Negara pada 16 Jun lalu merupakan usaha berterusan untuk mempromosi dan memasarkan produk kraf daripada usahawan

dan komuniti kraf tempatan kepada pengguna seluruh negara termasuk pelancong asing.

Sempena pembukaan ini juga, diskaun sebanyak 10 peratus ditawarkan kepada pelanggan bagi setiap pembelian produk kraf sekurang-kurangnya RM250 bermula 16 sehingga 30 Jun ini.

Selain diskaun, pelanggan juga turut menerima produk manguk tingkat (tiffin) secara percuma bagi setiap pembelian produk kraf.

Menurut Noorida, Karyaneka menampilkan pelbagai produk kraf yang autentik dan beridentiti Malaysia bagi segmen produk cenderamata, hiasan dalaman, perhiasan diri, fesyen, tekstil serta hiasan laman dan taman.

"Selain itu, dalam era pengadaptasian teknologi digital, kita juga turut menawarkan tiga platform pembelian alternatif kepada pelanggan

secara atas talian tanpa perlu ke outlet fizikal," ujarnya pelanggan boleh membeli-belah menerusi kedai dalam talian Karyaneka, MyCraftShoppe dan JOURNIFY2U.



Ukiran copper tooling tarik pelancong antarabangsa

KOMPLEKS Kraf Kuala Lumpur di Jalan Conlay yang dibuka pada tahun 1997 menawarkan pelbagai produk berkaitan pelancongan negara yang berteraskan seni dan kraf sekali gus bagi memperkenalkannya kepada pelancong luar negara.

Ia mengetengahkan panorama bercirikan warisan dengan berteraskan lima konsep iaitu pemasaran, pendidikan, pembudayaan, pemakanan dan penginapan.

Di sini juga menempatkan galeri perkampungan kraf dan pelukis selain pusat jualan kraf, muzium kraf, perkampungan kraf, perkampungan pelukis, kafeteria dan *artwood corner*.

Antara aktiviti menarik perhatian umum adalah aktiviti demonstrasi dan interaktif kraf, copper tooling oleh Ahmad Fadzlul Azim Abd Aziz.

Menurut Fadzlul, copper tooling adalah antara cabang seni kraf yang amat terkenal di negeri Terengganu dan memiliki peminatnya yang tersendiri kerana keunikian dan kehalusan cara pembuatannya.

"Ia menggunakan teknik tekan dan timbul. Corak ini biasanya dilihat pada hiasan dinding dan ia juga sering dijadikan cenderamata atau hiasan pelekat peti ais.

"Walaupun teknologi baharu kini menggunakan laser tetapi teknik copper tooling tradisional ini masih menjadi perhatian terutama oleh pelancong asing," katanya kepada

Wilayahku.

Tambah Fadzlul, proses ukiran tersebut mengambil masa selama satu jam atau lebih bergantung pada corak yang dipilih oleh individu.


"Selain itu, proses menghasilkan seni ini juga menggunakan konsep berulang-ulang yang mana ia dimulakan dengan teknik menekap semula lukisan yang telah dipilih di atas *copper foil* dengan menggunakan pen.

"Teknik ini perlu dibuat di bahagian depan dan belakang supaya lukisan itu timbul. Kemudian, setelah selesai menekap semula lukisan tersebut, kita buka dan akan nampak hasil ukiran yang dah ditekap.

"Andai kata tersilap, tidak perlu ulang daripada awal tapi tekap semula lukisan itu di bahagian dalam untuk timbulkannya. Kemudian teruskan dengan meletakkan warna di atas copper tooling tersebut," katanya proses tekap itu hanya perlu menggunakan pen. **WK**







ANTARA aksi pelumba melakukan pecutan ketika bersaing pada Labuan Team Time Trial 3.0 (LTTT 3.0) 2023 mengelilingi Labuan sejauh 42 kilometer baru-baru ini. - Foto: MOHAMMAD KHAIRUL YAKOP/Perbadanan Labuan

"Hilang segala gundah apabila..."

— Aizat Amdan

PENYANYI Aizat Amdan akui bersara puas apabila kebanyakannya yang dinyanyikannya dapat diterima peminat.

Baru-baru ini, Aizat yang muncul dengan lagu Hadiahkan Duka Kepadamu terharu apabila peminat tetap menerima meskipun tidak aktif membuat persembahan seperti dulu.

"Setiap kali mahu menghasilkan produk baharu, ada beberapa perkara bermain dalam fikiran termasuklah pertanyaan, adalah lagu baharu ini akan diterima baik oleh mereka atau tidak.

"Tapi apabila lancar sahaja lagu ini, sambutan yang diterima begitu baik daripada semua pihak. Hilang segala gundah apabila lagu ini mulai disukai oleh peminat dan mula dimainkan oleh stesen radio," kata Aizat.

Hadiahkan Duka Kepadamu merupakan lagu ciptaan sepenuhnya oleh Ajai.

Lagu berentak balada ini turut dijadikan runut buni untuk drama Kerasnya Takdir lakonan Amyra Rosli dan Redza Rosli yang disiarkan melalui slot Akasia, TV3.

"Saya gembira apabila orang mula mengetahui lagu ini sedikit demi sedikit apabila dijadikan lagu tema drama. Ada dalam kalangan peminat yang terkejut apabila mengetahui lagu ini dinyanyikan oleh saya.

"Ada yang beranggapan lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi baharu dan tak kurang juga yang jatuh cinta kali pertama mendengarkannya. Semua itu memberikan keterujaan kepada saya," ungkap penyanyi yang popular dengan lagu Hanya Kau Yang Mampu ini lagi.

Bercerita mengenai kerjasama dengan Ajai pula, memandangkan ini

merupakan kali pertama mereka bekerjasama, pastinya banyak perbincangan dilakukan demi memastikan kelancaran proses rakaman selepas itu.

"Pastinya saya teruja memandangkan ini kali pertama kami bekerjasama. Abang Ajai sendiri memang seorang komposer yang berpengalaman luas dan sudah menghasilkan jumlah lagu yang banyak," tambahnya lagi.

Sebagai info, Hadiahkan Duka Kepadamu merupakan terbitan Inisiatif Seni Kreatif (ISK) dengan kerjasama Alternate Records dan lagu diedarkan oleh Indigital Music.



DEEL ANJER



AIZAT AMDAN



KUMPULAN DOLLA

Penyanyi Korea, Han Byul nyanyi lagu kercong

RAMAI yang tertunggu-tunggu apabila penyanyi kelahiran Korea Selatan, **Han Byul** bakal menghiburkan para peminatnya menerusi lagu irama kercong di Konser Apresiasi Irama Kercong pada 5 dan 6 Ogos depan.

Menurut Han Byul, dia menghargai peluang yang diberikan meskipun terdapat kesukaran untuk dirinya menyanyikan irama kercong.

"Saya memang tidak pernah dengar kercong, sungguhpun begitu, apabila mendapat tawaran daripada pengajur saya tidak menolak.

"Sebaliknya saya jadikan ia sebagai cabaran untuk meneroka genre klasik.

"Saya berlatih selama dua bulan untuk satu lagu kercong daripada YouTube. Lagu yang saya belajar itu ialah Cinta Abadi.

"Saya juga belajar bercakap bahasa Melayu setiap hari dengan menghafal lirik dan menyanyi berulang kali supaya tak pelat nanti.

"Saya yakin akan berjaya dan dapat menyempurnakannya dengan baik kerana saya seorang yang bekerja keras," katanya.

Menariknya, Han Byul turut berkongsi dia bakal menyanyikan lagu Winter Sonata dalam versi Korea dan bahasa Melayu.

"Saya akan menyanyikan lagu Winter Sonata itu

dengan separuh bahasa Korea dan separuh lagi dalam Melayu.

"Ini juga kali pertama bagi saya untuk menyanyikan lagu itu dalam dua bahasa," katanya.

Mengulas mengenai konsert yang bakal



HAN BYUL

diadakan di Istana Budaya itu, Han Byul mengakui teruja dan gementar kerana bakal mengadakan persembahan sebaik dengan penyanyi hebat seperti Datuk Yusni Hamid, Datuk Khadijah Ibrahim, Datuk Awie dan Datin Alyah.

Konser yang dianjurkan oleh Irama Studios ini turut mendapat kerjasama Kementerian Komunikasi dan Digital.

Selain Han Byul, tiga lagi penyanyi generasi muda yang ditampilkan adalah Rasyidah Abd Rahim, Rizal Ahmad dan Jamilah Abu Bakar.

Tiket berharga RM88 sehingga RM588 boleh ditempah menerusi laman sesawang <https://ilassotickets.com>. WK

Dolla di tangga ke-6 kumpulan wanita antarabangsa

SELEPAS berjaya tampil di papan iklan digital di New York Amerika Syarikat tahun lalu, Dolla mencatat sat lagi kejayaan manis dalam kerjaya seni mereka.

Dolla yang dianggotai Wan Sabrina Wan Rusli atau Sabronzo, Tabitha Ariel Lam (Tabby), Angelina Chai Ka Ying (Angel) dan Noorsyasya Afiqah Shahrizal (Syasya) berjaya menarik perhatian saluran YouTube tersohor dunia MsMojo.

MsMojo telah mengiktiraf Dolla untuk berada dalam senarai 10 kumpulan wanita antarabangsa yang perlu ada dalam senarai main pencinta muzik.

Selain Dolla yang menduduki tangga keenam, turut tersenarai adalah kumpulan dari Jepun, XG dan juga sensasi K-Pop, New Jeans.

Dalam video YouTube tersebut, MsMojo menyenaraikan 10 buah kumpulan nyanyian wanita antarabangsa dari pelbagai pelosok dunia, termasuk Amerika Syarikat, Amerika Latin, United Kingdom, Jepun, Korea dan juga Asia Tenggara seperti Filipina dan juga Malaysia.

Pemilihan MsMojo itu menjadikan Dolla satu-satunya kumpulan dari Malaysia yang berjaya memasuki carta itu.

Menurut saluran itu, Dolla bukan sahaja dikenali kerana kelincahan mereka di pentas tapi juga berkat ketularan mereka di media sosial. Ini termasuklah kejayaan lagu 'Raya Raya Raya' yang berjaya mengumpul jutaan peminat seluruh dunia.

Dengan lima juta pengikut yang mengikuti saluran MsMojo, sudah pasti ia memberikan impak yang besar buat Dolla.

MsMojo juga merupakan salah satu saluran YouTube yang lahir dari saluran induk WatchMojo, sebuah saluran video ulung di YouTube yang berpusat di Kanada.

Cipta memori

di menara telekomunikasi ketujuh tertinggi di dunia



AINI MAWAWI

MENARA Kuala Lumpur merupakan destinasi pelancongan yang tidak asing lagi di mata dunia. Merupakan menara telekomunikasi ketujuh tertinggi di dunia, ia telah menjadi satu mercu tanda penting dan simbol yang memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

Terletak di atas Bukit Nanas pada ketinggian menakjubkan 421 meter, Menara Kuala Lumpur yang dibuka kepada orang ramai pada 23 Julai 1996 menawarkan pengalaman hebat seperti melihat panorama, menikmati alam semula jadi, pengembaraan serta pelbagai acara tahunan.

Dibina di antara keajaiban alam semula jadi, Bukit Nanas yang merupakan hutan simpan kekal tertua di Malaysia, pelbagai produk dan perkhidmatan ditawarkan di Menara Kuala Lumpur seperti Sky Deck, Sky Box, Pelantar Pemandangan, Restoran Berputar dan sebagainya.

Pada Disember 2022, Menara Kuala Lumpur memperkenalkan tarikan terbaharunya iaitu Tower Walk 100 yang pastinya memberikan pengalaman tidak dapat dilupakan oleh sesiapa sahaja iaitu berjalan dari ketinggian 100 kaki.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, **Nazli Saad**, para pengunjung dapat berjalan 360 derjah mengelilingi pelantar sambil menikmati panorama menarik bandar raya Kuala Lumpur.

"Terletak di tingkat T02 tiang Menara, para pengunjung akan dilengkapi dengan *harness safety system* untuk tujuan keselamatan ketika berjalan di pelantar tersebut. Ia juga merupakan satu tarikan yang baru dan pertama di Kuala Lumpur," ujarnya.

Tambahnya, selain daripada Tower Walk 100, Sky Box membawa pengalaman paling mendebarkan apabila berada di Menara Kuala Lumpur. Pada ketinggian 300 meter, Sky Box terkeluar dua meter dari tebing Sky Deck dan ia boleh memuatkan tiga hingga lima orang dalam satu masa.

"Ia benar-benar memberikan pemandangan unik dari puncak Menara Kuala Lumpur yang tidak pernah dilihat sebelum ini," ujarnya. Sky Deck pula adalah pelantar terbuka yang terkenal dan paling diminati oleh para pengunjung.

Sementara itu, pelantar pemandangan yang terletak di 276 meter pula menawarkan pemandangan dengan kemudahan teropong untuk menikmati keindahan permandangan bandar raya Kuala Lumpur yang jarang dapat dilihat di tempat lain.



"Kita juga turut mempunyai Dewan Bankuet Megaview untuk mesyuarat, seminar dan perkahwinan, panggung mini, panggung terbuka, gerai cenderahati, kafe dan restoran.

"Tarikan lain yang terdapat di sini adalah Tower Lighting

yang menggunakan dan melibatkan pencahayaan di keseluruhan menara, dari tingkat bawah ke bahagian atas tiang antena dengan lampu LED, meningkatkan keseruan bukan sahaja menara tetapi juga pemandangan langit malam Kuala Lumpur yang indah dengan sinaran lampu warna-warni yang cerah dan menarik.

"Kami juga turut menawarkan paket Tower Lighting ini kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan kedutaan luar negara di Malaysia untuk menerangi dan mewarnai cahaya lampu Menara Kuala Lumpur bersempena dengan sambutan ulang tahun, acara perasmian atau apa sahaja yang ingin diraikan oleh mereka," ujar beliau lagi.

Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd juga merupakan ahli 'The World Federation of Great Towers' (WFGT), iaitu sebuah persekutuan yang dianggotai oleh lebih 50 menara terkenal di dunia dan telah dianugerahkan Sijil Kecemerlangan: Anugerah Merit Alam Sekitar oleh World Federation of Great Towers atas usaha Menara Kuala Lumpur untuk memelihara alam sekitar. **WK**



MENARA Kuala Lumpur juga terkenal dalam penganjuran beberapa acara tahunan antarabangsa seperti KL Tower International Towerthon Challenge dan KL Tower International Jump Malaysia.



API PIZZA

Facebook/Instagram:

apipizza.putrajaya

WhatsApp:

010-206 3038/010-298 5021

Ramuan berkualiti tinggi API Pizza diterbangkan khas dari Itali

Foto: SYUQQREE DAIN
DIANA AMIR

PROSES pembuatan pizza menggunakan ketuhar batu bukan lagi perkara asing apabila ramai pengusaha memilih cara tradisional ini bagi menghasilkan pizza yang lebih lembut dan rangup.

Begitu juga dengan pengasas Alla Piccola Italia (API) Pizza, **Siti Rafitah Rakhimi**, 38, yang lebih memilih teknik tradisional berbanding ketuhar elektronik bagi pizza yang dihasilkannya.

Lebih unik dan menarik lagi bahan-bahan yang digunakan bagi menyediakan makan popular dari Itali itu diterbangkan khas dari negara tersebut.

"API Pizza menggunakan tepung

import di mana tekstur 'grind' yang sangat halus membuatkan roti pizza lebih anjal dan gebu manakala sos tomato pula daripada jenis 'San Morzano' yang berkualiti tinggi dari Itali.

"Pizza Neapolitan ini juga menggunakan tiga jenis keju iaitu *mozzarella*, *colby* dan *red cheddar* untuk rasa *cheese* yang sangat enak selain bahan-bahan premium untuk *topping* seperti *pastrami beef*, *streaky beef*, *beef brisket*, *roast beef*, *ground beef* dan lain-lain.

"Roti Sour dough pizza adalah dibuat segar dan menggunakan teknik 'slow fermentation' selama 48 jam yang menghasilkan doh yang lebih mudah untuk dihadam dan tidak mudah merasa *bloated*, lebih berperisa dan ringan berbanding doh pizza yang biasa," katanya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi mengenai idea pembukaan API Pizza, Siti Rafitah berkata ia adalah inspirasi hasil daripada percutiannya ke luar negara sekitar tahun 2016.

"Dari segi resipi pula ia melalui pemerhatian dan pengalaman saya sendiri ketika makan di restoran dalam mahupun luar negara. Selain itu, kita juga melakukan penyelidikan sendiri melalui internet dan secara *trial and error*," ujarnya kemahiran yang bagus diperlukan untuk penyediaan serta rasa yang berbeza dari pizza-piza komersial.

Katanya sehingga kini komen yang diterima daripada pembeli sangat positif dan rata-ratanya mengakui kualiti makanan yang dipersembahkan pada tahap terbaik bersesuaian dengan

harga.

"Antara menu pilihan ramai adalah beef sambal hitam, fresh buffalo mozzarella pizza, spicy prawn dan supreme beef. Kita juga menawarkan *seasonal pizza* iaitu pizza durian," jelasnya harga yang ditawarkan untuk 18 jenis pizza dan pasta bermula dari RM12 sehingga RM35.

Memasuki tahun keempat perniagaannya, Siti Rafitah mengimpikan untuk membuka sebuah restoran yang selesa buat pelanggan yang sentiasa menyokong API Pizza.

"Ada pelanggan yang menzahirkan untuk merasa makan pizza dan pasta dalam bangunan berhawa dingin serta tidak kena tempias hujan. *Insya-Allah* saya sedang merancang ke arah itu," katanya.

HANYA MAKAN MASA DUA MINIT

HANYA sekitar dua minit masa yang diperlukan untuk membakar sekeping pizza pada suhu antara 300 hingga 400 derjah selsius berbanding antara lapan hingga 10 minit untuk sekeping pizza jika menggunakan ketuhar elektronik.

"Rasa pizza yang dibakar menggunakan ketuhar batu bata dan elektrik sangat berbeza. Aroma pizza yang dibakar secara tradisional lebih wangi dan teksturnya juga lebih lembut walaupun sudah disimpan semalam," ujarnya API Pizza menggunakan ketuhar batu yang ditempah khas berharga RM23,000.

Sehingga kini API Pizza mempunyai lima cawangan iaitu di Food Truck Presint 14 dan Presint 2, Putrajaya, Tapak Urban Cyberjaya, Tapak Evo City Petaling Jaya dan Gua Lepak Batu Caves yang beroperasi pada Selasa hingga Ahad bermula 5 petang sehingga 12 tengah malam. **WK**





Dapatkan juga versi e-paper
WILAYAHKU di www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



UTC
PUSAT TRANSFORMASI BANDAR

alamanda
SHOPPING CENTRE

STesen
SENTRAL
Kuala Lumpur

TBS
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
The National University
of Malaysia

iKK!
BUKA 24 JAM

ELEVEN

99
SPEEDMART®


Akhbar mingguan **WILAYAHKU** juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my [Wilayahku](#) [@akhbarwilayahku](#) [Wilayahku](#) [WK TV](#)

PENGIKLANAN AKHBAR



PENGIKLANAN DIGITAL



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU**
diedarkan secara PERCUMA setiap minggu
di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT,
hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh
Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan
sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Kepuasan dalam bekerja lebih utama dari upah dan gaji

DR ELYA NABILA ABDUL BAHRI

WALAUPUN kajian semula kadar dan struktur upah sedang hangat diperkatakan ketika ini, namun dari sudut lain terdapat pekerja yang lebih memilih mempunyai kehidupan yang lebih sejahtera berbanding upah yang lebih tinggi.

Ada pekerja yang sanggup meninggalkan organisasi kerana tuntutan kerja yang terlalu sibuk walaupun upah yang diterima tinggi. Kebiasaannya, semakin tinggi tingkat upah, semakin tinggi tuntutan kerja yang diperlukan oleh majikan.

Tuntutan kerja yang banyak akan membuatkan pekerja itu sibuk dan perlu melebihkan masanya untuk menyempurnakan tugas sekali gus kurangnya peruntukan masa untuk bersosial atau bersama keluarga.

Maka tidak hairan jika ada pekerja yang sanggup meninggalkan kerja yang menawarkan upah yang lebih tinggi hanya untuk mengimbangi kehidupan dari segi pekerjaan dan kehidupan sosial.

Misalnya baru-baru ini kita mendengar ada pekerja gaji RM3,700 disusuli dengan tuntutan kerja yang padat sanggup berhijrah kepada pekerjaan sebagai juruwang dengan pendapatan sebanyak RM1,500.

Sebenarnya apabila seseorang pekerja merasa tertekan dengan jadual yang padat, mereka khawatir jika tidak dapat melakukannya dengan baik di samping bimbang dengan pandangan majikan yang menaruh harapan yang tinggi.

Untuk melaksanakan sesuatu kerja dengan baik, keadaan stamina fizikal, minda dan emosi seseorang pekerja perlu berada dalam keadaan yang baik dan tenang untuk mengelakkan kesilapan.

Menurut kajian daripada Randstad



TERDAPAT golongan yang lebih mementingkan kepuasan bekerja daripada upah yang tinggi. - Gambar hiasan

baru-baru ini, pekerja sanggup meninggalkan organisasi tempat bekerja sekiranya tiada pertumbuhan kerjaya yang baik, bayaran upah yang rendah dan kos sara hidup yang tinggi.

Selain itu, mereka juga lebih rela angkat kaki jika mendapat tawaran pekerjaan yang lebih baik selain majikan yang mempunyai corak kepimpinan yang lemah.

Dapatkan kajian oleh Randstad ini adalah selari dengan dapatan daripada beberapa kajian negara maju dan membangun yang lain.

Antara punca lain ialah faktor pengurusan yang lemah, persekitaran kerja yang tidak kondusif dan pengaruh rakan sekerja.

Tambahan pula, generasi milenial merupakan golongan paling ramai cenderung untuk menukar kerja (42 peratus), diikuti generasi Z (37 peratus) dan generasi X (29 peratus).

Ini memberikan gambaran bahawa keadaan tempat kerja tidak seperti yang diharapkan oleh generasi milenial. Pendedahan dalam rintangan dunia nyata sebenar tidak sama dengan dunia maya di mana mereka lebih terdedah.

Walau bagaimanapun, menukar tempat kerja menunjukkan mereka mudah dan masih mendapat tempat dalam pasaran kerja. Namun begitu, peralihan kerja yang cepat dan kerap akan menyebabkan seseorang pekerja tidak dapat menghayati kerja dengan lebih baik serta mengurangkan nilai senioriti pekerjaan dalam organisasi.

Jika kadar pusing ganti pekerja meningkat, pihak majikan perlu melatih semula pekerja baharu.

Latihan yang diterapkan kepada pekerja baharu akhirnya tidak bertahan lama jika suasana kerja tidak menepati kehendak golongan pekerja. Hal ini akan meningkatkan kos latihan kerana pihak majikan sentiasa melatih pekerja baharu.

Bagi mengurangkan beban kos akibat kadar pusing ganti pekerja yang tinggi, pihak majikan perlu memilih pekerja yang sesuai termasuklah dengan melihat tren kesetiaan pekerja dalam organisasi terdahulu sebelum mengambil calon tersebut untuk bekerja dalam organisasi.

Manakala pekerja akan kekal dalam sesuatu organisasi sekiranya

mereka merasakan diri begitu bernilai dalam organisasi dan dihargai, menurut teori ekonomi yang dikenali sebagai 'pengekalan pekerja berdasarkan sumber' (RBV).

Maka pihak majikan perlu mengatur strategi untuk mengelakkan pekerja bukan sahaja dengan peningkatan upah berbentuk monetari tetapi juga faedah lain yang berbentuk bukan monetari yang dirasakan penting bagi pekerja.

Misalnya dengan menghargai pekerja, mengiktiraf usaha pekerja, memberikan motivasi kepada pekerja dan juga menambah baik kepimpinan organisasi syarikat.

Majikan juga perlu menyediakan program atau kursus yang berbentuk pembangunan stamina fizikal, minda dan emosi ke arah peningkatan produktiviti secara sihat.

Apa yang pekerja perlukan adalah kehidupan yang lebih sejahtera dan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang lebih baik di samping menikmati upah yang lebih tinggi.

Namun upah yang tinggi tanpa tuntutan kerja yang banyak adalah

sesuatu yang agak mustahil kerana pihak majikan juga ingin mendapat pulangan balik kepada organisasi daripada peningkatan kos buruh yang ditanggungnya.

Tidak dinafikan bahawa gaji dan upah yang lebih tinggi dapat membantu ke arah kehidupan yang lebih baik kerana kesejahteraan dalam kesihatan, aktiviti sosial dan kehidupan berkeluarga juga memerlukan kos.

Ada pekerja yang sanggup menyerap tekanan kerja dengan sukarela kerana ingin mendapat tingkat upah yang lebih tinggi. Begitu juga dengan tahap kerja yang dituntut oleh majikan setelah pekerja dibayar dengan upah yang tinggi selaras dengan teori kecekapan upah.

Peningkatan jumlah kerja dan upah secara berperingkat dilihat sebagai suatu latihan ketahanan fizikal, mental dan emosi untuk seseorang pekerja melangkah kepada tahap jawatan yang lebih tinggi selaras dengan kesukaran kerja tersebut.

Maka bagi memastikan kehidupan dan keseimbangan kerja - kehidupan yang lebih sejahtera di samping tingkat upah yang lebih tinggi, setiap pekerja perlu bijak mengatur dan menguruskan masa, tenaga dan fokus untuk mengimbangi keperluan monetari dan bukan monetari dalam kehidupan.

Ini kerana kepuasan bekerja merupakan aspek sangat penting bagi memastikan seseorang pekerja dapat bertahan dan meningkatkan tambah nilai kendiri bagi melangkau ke tahap jawatan yang lebih baik dalam organisasi.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALANMASJIDINDIA PT10BUSINESSCENTRE ■ KAMPUNGBARU: YAYASANWILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL NZN ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOS ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7TELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■
PUTRAJAYA - PRESINT1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PENGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■
LABUAN-PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY BLOK KERAJAHAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR(BANDAR) ■ MASJID AL FAJH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU





KHAIRUL IDIN

PENGANGJURAN pelbagai sukan di Labuan diyakini mampu merancakkan industri perniagaan dan ekonomi setempat terutamanya sektor pelancongan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata ia terbukti apabila penyertaan Labuan Team Time Trial 2023 (LTTT 3.0) disertai sebanyak 92 pasukan membabitkan 386 peserta dari Sabah, Sarawak dan Brunei.

“Dengan pengangjuran seperti LTTT 3.0 secara tidak langsung akan dapat merancakkan lagi ekonomi Labuan khususnya kepada premis perniagaan makanan, perhotelan dan pengangkutan.

“Saya harap para peniaga dan pemain industri perniagaan mengambil kesempatan ini dan menggunakan peluang sebaik-baiknya untuk menaikkan ekonomi di pulau ini,” katanya. WK

Pelbagai aktiviti sukan rancakkan kembali ekonomi di Labuan

kepada pemberita selepas acara pelepasan LTTT 3.0 di Kompleks Sukan Laut Antabangsa Labuan, baru-baru ini.

Perlumbaan kali ketiga itu melibatkan laluan sejauh 42 kilometer dan menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM15,000.

Terdahulu pengangjuran acara itu merupakan kerjasama antara Perbadanan Labuan, Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Labuan dan Kelab Road Cyclist.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu RB Open (15 tahun ke atas), RB veteran (39 tahun ke atas), RB Mix (sekurang-kurangnya seorang wanita), MTB Open (15 tahun ke atas) dan MTB Veteran (39 tahun ke atas). WK



RITHUAN (empat kanan) melepaskan peserta LTTT 3.0 di Perkarangan Kompleks Sukan Laut Antabangsa Labuan, baru-baru ini.



BARISAN Pengarah Kolej Vokasional Zon Sabah dan Labuan bersama wakil-wakil syarikat industri di Labuan selepas NoU bersama pihak industri Palm Beach Resort & Spa Labuan dan Dorsett Grand Labuan.

Kolej Vokasional, pemain industri bakal lahir tenaga kerja kompetitif

BAGI melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing, Kolej Vokasional (KV) Zon Sabah Dan Labuan giat menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak industri.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, **Yusup Mohamad** berkata ia selaras dengan usaha kerajaan dalam berhadapan dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

“Usaha awal kerajaan mengarusperdanakan pendidikan vokasional seperti yang terkandung di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) adalah tepat dalam menyediakan ruang dan peluang kepada modal insan negara untuk memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi serta

memenuhi permintaan industri.

“Dalam memenuhi usaha ini, jalinan kerjasama dengan pihak industri sedang dipergiatkan agar lebih responsif dan menepati keperluan serta perkembangan ekonomi negara.

“Manakala agenda ekonomi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) menjangkakan akan wujud 1.5 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor dengan sasaran sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan tersebut memerlukan kemahiran berkaitan bidang Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET),” ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis

Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Kolej Vokasional Zon Sabah dan Labuan dengan pihak industri baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Perancangan Jabatan Pendidikan Labuan, Noraini Sahbudin.

Hadir sama Pengarah Kolej Vokasional Labuan Siti Muslihah Leeudin dan pengarah-pengarah serta wakil KV Zon Sabah.

Kerjasama di antara KV Zon Labuan dan Sabah dengan pemain industri bakal memberi manfaat kepada 1,200 graduan menjalani latihan industri di Palm Beach Resort & Spa Labuan dan Dorsett Grand Labuan. WK

Dominic Ng juara Nine Ball Invitational 2023

WAKIL dari Singapura, Dominic Ng Chi Hoe muncul juara dalam pertandingan Labuan Nine Ball Invitational 2023 yang diadakan baru-baru ini.

Kemenangan tersebut diperolehi selepas dia menewaskan pemain Malaysia, Muhammad Almie Muhammad Yakub pada perlawanan akhir.

Dominic menewaskan Muhammad Almie dengan kiraan mata 11-9 sekali gus berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 berserta trofi.

Walaupun tewas di perlawanan akhir, Muhammad Almie yang juga pemenang pingat perak pada temasya

Sukan SEA di Kembuja berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan trofi.

Pada peringkat separuh akhir, Dominic Ng mengalahkan David Tan Thiam Hua dari Malaysia manakala Muhammad Almie pula mengalahkan pemain dari Brunei, Ahmad Taufiq.

Terdahulu, seramai 64 pemain menyertai Labuan Nine Ball Invitational 2023 yang menghimpunkan pemain dari dalam negara dan luar negara antaranya Brunei dan Singapura.

Kejohanan tersebut anjuran bersama David Pool Labuan, Aquesta Travel & Tours dan Utama Venture Sdn Bhd. WK



DOMINIC NG (dua kanan) menerima hadiah wang tunai RM5,000 selepas menjuarai Nine Ball Invitational 2023 baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM216



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM216".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **1 JULAI 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 218.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK216



MELINTANG

1. Goyang/goncang
5. Rumput karang
7. Huruf ke-17 abjad Arab
8. Dimasak dengan air
10. Nenek

KE BAWAH

1. Batas/lingkungan
2. Yang
3. Satu watak komik
4. Pesta/kerajan
6. Pesawat tanpa juruterbang
9. Bank Simpanan Nasional

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK216".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **1 JULAI 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 218.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT Cilik



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 214

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM214:

AYLEEN HANIS MOHAMAD HIFZAN
(6 tahun)
Kajang, Selangor

NADIRA AZREEN ABDUL GHANI
(11 tahun)
Jalan Gombak, Kuala Lumpur

MUHAMMAD HAQEEMI MANAN
(10 tahun)
Gemas, Negeri Sembilan



Karya Adik Ayleen Hanis

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK214:

KHOO PHAU LIANG
(29 tahun)
Tanah Merah, Kelantan

HASANAH MOHD LAZIM
(53 tahun)
Presint 15, Putrajaya

ABU BAKAR SULAIMAN
(44 tahun)
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur





Rajibu Trading himpun hiasan mutiara, batu permata dari luar negara



KHAIRUL IDIN

JAKA anda sedang merancang untuk bercuti di lokasi indah dalam negara, apa kata masukkan Labuan dalam senarai perancangan anda. Ini kerana pulau tersebut memiliki pelbagai destinasi percutian wajib singgah.

Keindahan gugusan pulau seperti Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Kuraman misalnya menjadi antara lokasi yang sering menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Setelah anda menerokai keunikan Labuan sudah tentu perkara terakhir yang bermain di fikiran adalah mencari cenderahati untuk dibawa pulang sebagai kenangan mahupun buah tangan kepada yang tersayang.

Apa kata singgah sebentar di

Bangunan Pasar Sentral (UTC) kerana di sini terdapatnya sebuah kedai barang cenderahati yang mampu membuatkan anda rambang mata.

Menariknya Rajibu Trading yang dimiliki oleh orang tempatan ini menghimpunkan hiasan batu permata dan mutiara yang dibawa dari luar negara seperti Cina, Indonesia dan Filipina.

Menurut pemiliknya, **Balqis Banur Jabir Ali**, perniagaan yang diusahakan hampir 24 tahun itu menghimpunkan pelbagai barang perhiasan diri seperti gelang, kerongsang dan tidak ketinggalan juga kraf tangan seperti beg, dompet dan sebagainya.

"Meskipun barang mentah untuk membuat perhiasan dan kraf tangan diperolehi dari negara luar namun ia tidak menjadi penyebab untuk kami meletakkan harga yang tinggi.

"Produk yang terdapat di kedai saya

sangat berpatutan dan mampu milik bermula RM1 sehingga RM400 mengikut jenis dan kualiti produk tersebut," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, pembuatan barang perhiasan seperti gelang dan cincin daripada batu permata dan mutiara merupakan hasil tangannya sendiri yang mana dia turut mengambil tempahan mengikut permintaan pelanggan.

"Biasanya pelanggan yang datang ke sini mereka akan memilih sendiri batu permata dan mutiara yang diinginkan untuk dijadikan perhiasan. Jadi saya akan buat di hadapan mereka."

"Alhamdulillah setakat ini permintaan terhadap barang cenderahati tidak putus-putus dan sangat menggalakkan biarpun kadang



SYAHIDA



SYUKRINA

produk cenderahati yang dijual di Rajibu Trading bermutu tinggi.

"Saya berada di Labuan hampir tiga hari atas urusan peribadi dan sebelum balik ke Semenanjung saya mencari buah tangan untuk keluarga sebagai tanda kenang-kenangan dari Labuan.

"Kedai ini bukan sahaja menjual cenderahati yang menarik tetapi unik. Malah apabila saya pulang ke hotel, ahli keluarga yang melihat cenderahati tersebut turut mahu membelinya kerana kualitinya."

"Insy-A-Allah jika datang ke sini lagi saya pasti akan membeli-belah di kedai ini lagi," ujarnya yang juga turut berpuas hati dengan layanan yang diterima daripada Balqis.

Bagi pelajar, **Syukrina Sukri** yang turut menjadikan kedai tersebut sebagai pilihan mendapatkan buah tangan, sudah pasti harga yang murah menjadikan ia sebagai pilihan utama.

"Sebagai seorang pelajar, harga cenderahati yang murah dan berpatutan itu menjadi tarikan saya untuk membeli barang di kedai ini," ujarnya yang teruja untuk berkongsi keunikan tersebut bersama rakan-rakan. **WK**



BALQIS (kiri) melayan pelanggan yang mengunjungi premisnya.



HARGA MURAH, KUALITI TINGGI

SEMENTARA itu, menurut salah seorang pelanggan, **Syahida Musa**,

Bukti prestasi cemerlang, PPj raih dua anugerah antarabangsa di Malta



SABRINA SABRE

PRESTASI cemerlang Perbadanan Putrajaya (PPj) diiktiraf di Valletta, Malta apabila projek kendaliannya menerima dua Anugerah Perak (*Silver Awards*) di The 21st International Awards for Liveable Communities (*LivCom Awards*) 2023 baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, anugerah yang diterima pihaknya adalah di bawah dua kategori iaitu *Whole City Award* bagi *Single City Category* menerusi Projek Putrajaya Command Centre (PCC): A Holistic and Collaborative Approach to a City Command Centre serta Environmental Sustainability Project Awards menerusi Projek Putrajaya Lake and Wetland - a Nature-based Solution for Improving Environmental Quality, Health and Wellbeing.

"*LivCom Awards* pada tahun 2023 telah mempertandingkan tiga kategori utama iaitu *Whole City Award*, *Project Award* dan *Technology and Solution Award* yang mana sebanyak 22 bandar serta 33 projek dari 24 buah negara telah disenarai pendek daripada 230 penyertaan yang telah diterima untuk dipertandingkan di pusingan akhir.

"Antara negara-negara yang layak ke peringkat akhir adalah Malaysia, Poland, Portugal,



ANTARA wakil PPj yang menerima LivCom Awards baru-baru ini.

Chinese Taipei, Mesir, Slovenia, PR China, Turkiye, Filipina, Spain, Bangladesh, UAE, Albania, Italy, India, Jerman, Hungary, Mexico, Nepal, Herzegovina, Latvia dan United Kingdom," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Fadlun berkata tema pada tahun ini juga sememangnya sangat istimewa kerana iaanya memberi penekanan terhadap komponen projek yang menyumbang kepada pencapaian sesebuah bandar mesra warga emas.

"Bagi PCC, ia menjadi satu kebanggaan memandangkan projek ini merupakan satu-satunya pemenang di bawah kategori *Whole City Award* bagi *Single City Category* sekali gus sebagai satu pengiktirafan dunia terhadap Malaysia dan Putrajaya khususnya dalam pembangunan bandar pintar bertaraf dunia.

"Selain itu, PCC juga berjaya membuktikan bagaimana teknologi serta kepakaran tempatan mampu menghasilkan satu penyelesaian

bandar pintar yang inklusif dan diiktiraf dunia," jelasnya anugerah ini merupakan anugerah antarabangsa pertama yang telah diterima oleh PCC sejak ia mula beroperasi pada tahun 2018.

Terdahulu, PCC pernah menerima Anugerah Emas di dalam kategori *Innovation Planning* daripada Malaysia Institute of Planning (MIP) di peringkat kebangsaan bersamaan dengan *MIP Planning Excellence Awards 2022*. Dalam masa sama, Fadlun

berkata usaha pihaknya membangunkan tasik dan wetland Putrajaya sebagai pendekatan berasaskan alam semula jadi (*nature-based solution*) untuk meningkatkan kualiti alam sekitar, kesihatan dan kesejahteraan ke arah meningkatkan kualiti hidup penduduk Putrajaya juga telah berjaya menambat hati juri dan diberi pengiktirafan.

"Anugerah ini secara langsung membuktikan pencapaian tasik dan wetland Putrajaya sebagai lokasi unggul untuk aktiviti sukan dan rekreasi air, tapak dan prasarana sokongan bagi pelaksanaan aktiviti kebudayaan, ekonomi dan ekopelancongan, tapak pembersihan bahan cemar, tapak kajian, tapak pendidikan luar bilik darjah, lokasi penyelidikan dan pendidikan ilmiah serta tapak penanda aras pengurusan badan air di peringkat antarabangsa.

"Selain itu, wetland juga berperanan penting sebagai struktur penebat banjir, tapak penuaan air hujan skala bandar, berfungsi sebagai sinki karbon, habitat pelbagai fauna serta bank genetik tumbuhan," ujar beliau penyertaan pihaknya dalam *LivCom Awards* adalah tidak asing lagi kerana pada tahun 2012, PPj berjaya menggondol tiga anugerah menerusi *Whole City Awards* (*Category C: Population 75,001-150,000*) dan *Project Awards* (*Natural Category*) yang diadakan di Al Ain, United Arab Emirates. **WK**

4,000 peserta dari 30 negara berhimpun di Putrajaya

BERLANGSUNG di Putrajaya, POWERMAN Malaysia Duathlon 2023 menyaksikan penyertaan tertinggi dengan membabitkan atlet elit, amatur dan junior sekali gus mengekalkan statusnya sebagai acara duathlon terbesar dunia.

Menurut Pengarah Urusan Fresh Events Asia Sdn Bhd, **Jeffrey Ross**, acara selama dua hari itu menampilkan seramai 4,000 peserta dari 30 buah negara termasuklah Singapura, Thailand, Jepun, Perancis, Kenya, Hong Kong, United Kingdom dan Filipina.

"Sambutan hangat yang diterima bagi edisi kali ini menampilkan penyertaan daripada pelbagai demografi peserta. Penyertaan kali ini adalah lebih menyeluruh dengan membabitkan pelbagai lapisan usia, kerakyatan serta latar belakang peserta."

"Lebih menarik, laluan baharu yang direka sepanjang 80 kilometer (km) di Putrajaya menanti peserta yang jelas perlu berada pada tahap terbaik untuk menghadapi cabaran beraksi dalam cuaca yang agak panas," katanya menerusi satu



POWERMAN Malaysia Duathlon 2023 terima sambutan luar biasa.

kenyataan media.

Jeffrey Ross berkata selain daripada kategori larian lelaki elit, pengenalan kategori larian wanita elit turut menyemarakkan lagi acara berkenaan dengan tawaran hadiah

keseluruhan yang berjumlah lebih RM23,000.

Sebagai rekod, pengajuran acara itu bertujuan untuk mewujudkan suasana yang inklusif serta merapatkan jurang

antara atlet profesional dan atlet biasa yang memiliki semangat kecergasan serta ketahanan sukan.

"Dengan menyertai acara ini sebagai peserta ataupun pemerhati, secara tidak langsung

mereka boleh terlibat dalam banyak acara termasuklah pameran kesihatan, bengkel interaktif dan peluang berhubung bersama pakar industri serta atlet terkemuka.

"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta dan juga mereka yang membantu sepanjang menjayakan acara ini. Saya pasti ramai di antara kita sudah lama ternantikan pengajuran semua acara POWERMAN pada tahun 2023."

"Namun begitu, kami juga sangat berbangga dengan sambutan luar biasa yang diterima selain bersama-sama membuka lembaran baharu dalam kisah POWERMAN Malaysia dengan pengajuran duathlon edisi ke-18 ini," ujar beliau.

Edisi pada tahun ini menyaksikan Moysan Malo dari Perancis memenangi tempat pertama bagi kategori lelaki elit dengan mencatat masa keseluruhan 02:40:45 dan pemenang wanita elit pula diungguli oleh Mary Joy Tupa dari Filipina dengan catatan masa keseluruhan 03:13:34. **WK**

Tempoh empat tahun untuk stabil permainan

Syabil Azam cabar diri ke pentas dunia

SABRINA SABRE

SEPERTI semua pemain boling lain, atlet Wilayah Persekutuan, Syabil Azam Syamsul Azam mengakui turut mendambakan status sebagai pemain nombor satu dunia kelak.

Bagaimanapun, pemain berusia 19 tahun itu mahu bersikap realistik apabila menegaskan dia memerlukan tempoh tiga hingga empat tahun untuk menjadikan permainannya lebih stabil dan konsisten terlebih dahulu sebelum boleh memikirkan mengenai status berkenaan.



Menanam impian untuk beraksi pada World Championship suatu hari nanti, pelajar prauniversiti di Sekolah Sukan Bukit Jalil ini berkata dia berhasrat untuk mencuba sehabis baik sehingga berjaya.

"Saya memasang impian untuk beraksi ke kejohanan dunia sebelum umur 23 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut," ujarnya yang menjadikan atlet boling Malaysia, Ahmad Azriq Izamudin sebagai idola.



AKSI Syabil Azam ketika 21st Asian Junior Championship di Thailand tahun lalu.

Bercerita lanjut tentang penglibatannya, atlet muda ini berkata dia melihat sukan boling mempunyai keistimewaan tersendiri selain memerlukan strategi dan teknik permainan yang baik.

"Permainan ini memerlukan fokus serta kekuatan mental yang tinggi. Selain daripada perlu bijak

merancang strategi permainan, sukan ini juga mengajar kita cara menenangkan minda. Selalunya pemain akan cepat gelabah apabila bola tidak terkena ke sasaran yang dituju."

"Di samping itu, kita perlu tenang untuk memastikan percubaan seterusnya berjaya," kongsinya

kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, anak pertama daripada tiga orang adik-beradik ini memberitahu biarpun dirinya sudah sebatik dalam sukan boling sejak berusia tujuh tahun, namun dia enggan mempertaruhkan masa hadapan demi sukan semata-mata.

Malah dia sedar tanggungjawab

Pencapaian Syabil Azam

2023 – 4th Philippine International Open - Emas

2022 – 21st Asian Junior Championship – Tempat kedua

2022 – 52nd Singapore International Open U18 – Tempat kedua

yang dipukul sebagai seorang atlet, pelajar serta anak perlu dilunaskan untuk memastikan keputusan yang diraih cemerlang dalam setiap bidang diceburi.

"Saya mesti bijak membahagikan masa antara pelajaran dan latihan kerana walaupun bergelar atlet sepenuh masa, pencapaian akademik juga perlu diberi perhatian yang serius seperti yang selalu dipesan oleh ayah."

"Ibu bapa meletakkan harapan tinggi terhadap kejayaan saya dalam bidang akademik. Jadi saya tidak mau menghamparkan mereka dan berjanji untuk melakukan yang terbaik dalam bidang sukan dan akademik," ujar atlet kelahiran Kuala Lumpur ini. WK

Piala Asia: FAM, KBS sedia bantu 'terbangkan' penyokong Harimau Malaya ke Qatar

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang mencangak memastikan seramai mungkin penyokong bola sepak negara dapat menyaksikan skuad Harimau Malaya beraksi di Piala Asia 2023 di Qatar, Januari depan.

Presiden FAM, **Datuk Hamidin Mohd Amin** berkata satu mesyuarat melibatkan badan induk itu, KBS, syarikat penerbangan nasional Malaysia Airlines dan kumpulan penyokong tegar pasukan negara Ultras Malaya telah diadakan baru-baru ini.

"Saya juga telah berhubung dengan Duta Besar Malaysia ke Qatar, beliau sedia untuk bantu dari segi tempat tinggal kerana tempoh skuad kebangsaan beraksi agak lama iaitu lawan Jordan pada 15 Januari, Bahrain (20 Januari) dan Korea Selatan (25 Januari), jadi kita akan bantu mana yang boleh untuk senangkan penyokong."

"Dari segi penerbangan, kalau dapat penerbangan sewa khas lagi baik tetapi kita perlu tahu jumlah yang pergi. Saya fikir ia tidak jadi masalah kerana Malaysia Airlines akan membantu," katanya ketika ditemui selepas Program Townhall Bersama Presiden FAM.

Pada saingan Piala Asia 2023, Malaysia diundi dalam Kumpulan E bersama-sama juara dua kali, Korea Selatan, Jordan dan Bahrain.

Pada Jun tahun lepas, skuad Harimau Malaya bimbang Ketua Jurulatih,

Kim Pan Gon mencipta sejarah apabila menamatkan penantian 42 tahun layak secara merit ke Piala Asia sejak kali terakhir melakukannya pada edisi 1980 di Kuwait.

Kali terakhir Malaysia beraksi pada Piala Asia ketika menjadi tuan rumah bersama pada 2007.

Sementara itu, wakil Ultras Malaya, Mohd Ridzuan Ahmad yang lebih dikenali sebagai Lekir berkata tiga perkara yang menjadi perhatian penyokong adalah harga tiket penerbangan, akses membeli tiket perlawanan dan penginapan sepanjang di Qatar.

"Biasanya harga tiket pergi dan balik antara RM4,500 ke RM5,000, jadi

macam mana kos ini boleh dikurangkan begitu juga dari segi tiket perlawanan. Kita juga tahu di Qatar ada tempat penginapan milik Malaysia, mungkin boleh dapat kadar yang tidak terlalu tinggi.

"Saya yakin sekiranya ketiga-tiga perkara itu

kosnya dapat dikurangkan, lebih ramai penyokong akan pergi," katanya.

Terdahulu, kira-kira 150 penyokong tempatan hadir ke Program Townhall Bersama Presiden FAM yang berlangsung selama dua jam bagi berkongsi pandangan dan idea serta mengetahui lebih mendalam berkaitan skuad kebangsaan dan perkembangan bola sepak tanah air.

Hadir sama dua Timbalan Presiden FAM, Datuk Mohd Yusoff Mahadi dan Datuk S. Sivasundaram, tiga Naib Presiden FAM, Datuk Seri Rosmadi Ismail, Mohd Joehari Mohd Ayub dan Datuk Posa Majais serta Presiden Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Datuk Ab Ghani Hassan. - BERNAMA



HAMIDIN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada penyokong skuad Harimau Malaya pada Sesi Town Hall FAM baru-baru ini.

Prestasi di Kemboja tidak pengaruhi Sukan Asia - MSN

MAJLIS Sukan Negara (MSN) optimis bahawa prestasi kurang memuaskan kontinjen di Sukan SEA Kemboja tidak akan mempengaruhi pencapaian atlet di Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China, September depan.

Timbalan Ketua Pengarah MSN, **Suhardi Alias** berkata ini kerana acara dipertandingkan di kedua-dua temasya sukan berkenaan tidak sama selain mempunyai senario berbeza.

"Di Sukan SEA kita dapat banyak acara baharu yang berpihak kepada pasukan tuan rumah tetapi di Sukan Asia dari segi kualiti pertandingannya berbeza."

"Jadi, amat penting untuk kita menerapkan persediaan yang baik. Saya merasakan cabaran ini berbeza dan peluang untuk dapat pingat bergantung kepada atlet sesebuah negara," katanya.

Mengenai sasaran pingat di Sukan Asia, Suhardi berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat penetapan pingat bersama Majlis Olimpik Malaysia (MOM), persatuan sukan kebangsaan dan pengurus pasukan serta jurulatih nanti.

Sementara itu, beliau berkata kontinjen negara ketika ini giat menjalani latihan di dalam dan luar negara menjelang temasya Sukan Asia dan beliau berpuas hati dengan tahap persediaan serta komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh atlet, jurulatih, persatuan dan pegawai pasukan.

Sukan Asia 2023 dijadual berlangsung pada 23 September hingga 8 Oktober depan. - BERNAMA

Azizah titip pesanan, bakar semangat kepada pelajar lepasan SPM 2022

DIANA AMIR

“**PERJALANAN** selepas Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) 2022 adalah permulaan kepada kehidupan,” demikian antara pesanan yang disampaikan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada pelajar-pelajar lepasan SPM 2022.

Beliau turut meneckakan setiap pelajar perlu berazam untuk mencapai tahap tertinggi terutama dalam pendidikan.

“Ini adalah permulaan. Lulus SPM adalah kesinambungan kepada hidup kita dan anak-anak jangan berhenti untuk dapatkan yang terbaik di dunia dan akhirat.

“Anak-anak juga merupakan modal insan di mana sesbuah negara tidak akan maju sekiranya modal insan kita tidak kuat.

“Saya juga mengharapkan generasi yang membaca ini boleh menilai seterusnya dapat menentukan mana perkara



AMEERUL AFIQ



AZIZAH (tiga kiri) menyampaikan sumbangan wang tunai kepada salah seorang pelajar cemerlang lepasan SPM 2022.

baik atau buruk,” kata beliau ketika menyempurnakan Majlis Sumbangan Murid Cemerlang SPM 2022 dan Program Bantuan Khas Murid di Dewan Utama SMK Orkid Desa pada Rabu.

Tambah beliau, penganjuran majlis ini merupakan satu inisiatif pejabat Parlimen Bandar Tun Razak

bagi meraikan pelajar cemerlang dalam SPM 2022 dan menyantuni golongan asnaf khususnya dalam kalangan murid-murid di sekolah sekitar Parlimen Bandar Tun Razak.

“Kita mengharapkan dengan penghargaan ini dapat menyuntik semangat kepada para murid

yang diterima.

“Alhamdulillah, saya rasa segala usaha penat lelah yang dilalui dihargai dan diharapkan insentif seperti ini diteruskan oleh pihak kerajaan bagi memberi lebih galakan kepada pelajar-pelajar SPM lain.

“Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Parlimen Bandar Tun Razak khususnya Datuk Seri atas inisiatif yang diberikan dan semoga dapat menjadi pembakar semangat kepada calon-calon SPM tahun seterusnya untuk mencapai kejayaan yang cemerlang,” katanya yang memperoleh keputusan 9A+ SPM 2022.

Terdahulu, kira-kira 1,000 orang pelajar cemerlang SPM 2022 dan asnaf dari 14 buah sekolah sekitar Parlimen Bandar Tun Razak menerima sumbangan wang tunai dan Yayasan Bank Rakyat merupakan penyumbang utama berjumlah RM100,000.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Yayasan Bank Rakyat, Mohd Mukhti Abd Rahman dan Pengarah Pendidikan Jabatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Norhayati Ab Wahab. **WK**

cemerlang SPM 2022 untuk terus berjaya dalam pelajaran dan dapat membantu meringankan beban keluarga,” ujar beliau.

Sementara itu, salah seorang pelajar cemerlang dari Sekolah Menengah Sains Alam Shah, **Ameerul Afiq Azizi**, 18, melahirkan rasa syukur di atas sumbangan

KLBS'23 pamer keunikan industri dua roda, tampil persembahan Wings

HAZIRAH HALIM

KUALA LUMPUR Bike Show 2023 (KLBS'23) yang bakal diadakan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur pada 24 hingga 27 Ogos ini menumpukan kepada industri dua roda iaitu motosikal dan basikal.

Dianjurkan oleh Moventuum Sdn Bhd dan Majalah RodaRoda (Bayu D Enterprise Sdn Bhd), KLBS'23 bukan sekadar pameran semata-mata tetapi turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik sepanjang empat hari penganjurannya.

Pengarah Moventuum Sdn Bhd, **Farouk Nurish** berkata antara aktiviti yang akan diadakan di KLBS'23 adalah pelancaran model-model baharu, pasaran aksesori, sesi pandu uji dan pertunjukan fesyen termasuk sesi perbincangan meja bulat yang bertemakan ‘The New Era of Road Safety’ dan ‘Environmental Social and Governance (ESG) and



PENYANYI rock, Datuk Awie (lima kanan) bersama pihak terlibat dalam penganjuran KLBS'23 pada 24 hingga 27 Ogos ini.

Mobility’.

“Paling menarik KLBS'23 juga bakal menampilkan persembahan istimewa daripada kumpulan rock legenda, Wings yang mana ia bukan sahaja dapat menambah kemeriahan program malah menarik lebih ramai pengunjung.

“Tiket penjualan konsert Wings ini akan mula dibuka bermula 1 Julai,” katanya pada

Majlis Pelancaran Kuala Lumpur Bike Show 2023 di WTCKL baru-baru ini.

Turut hadir merasmikan adalah Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Dr Ammar Abd Ghafar, wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagaimanapun, Farouk berkata program ini akan menjadi

acara utama di Malaysia yang menghimpunkan penggemar atau pemain industri permotoran dan berbasikal dari seluruh Malaysia termasuk antarabangsa.

“Ia adalah program pertama yang dianjurkan di Kuala Lumpur. Saya percaya ia mempunyai potensi untuk menjadi pusat tumpuan atau pengumpulan penggemar dan pemain industri permotoran serta berbasikal,” kata beliau yang berhasrat mengembangkan acara ini pada tahun-tahun akan datang.

Sementara itu, Pengarah merangkap penerbit Majalah RodaRoda (Bayu D Enterprise), Dr Yusseri Yusoff melihat KLBS tahun pertamanya bakal menjadi platform penting dalam industri sebagai tempat yang diperlukan oleh jenama dan pemain untuk mengetengahkan teknologi terkini termasuk pembangunan produk bagi industri dua roda tersebut.

“Di Malaysia, kita mempunyai lebih 15 juta pemilik basikal selain statistik segmen motosikal elektrik

turut menunjukkan terdapat potensi besar terutamanya dengan tumpuan kerajaan terhadap kenderaan elektrik (EV) dan rantaian bekalan yang berkaitan. Dengan itu, kami memastikan EV beroda dua pada tahap teknologi yang berbeza-beza akan disertakan dalam pameran ini,” katanya.

Terdahulu, KLBS'23 menyasarkan lebih 50,000 pengunjung bakal hadir memeriahkan program tersebut selama empat hari penganjurannya.

Tiket pembelian awal KLBS'23 yang sudah dibuka bermula 15 sehingga 30 Jun ini dengan harga RM18 (dewasa) dan RM13 (kanak-kanak) manakala bagi tiket pas empat hari pula, tiket berharga RM45 (dewasa) dan RM25 (kanak-kanak).

Bagaimanapun, bermula 1 Julai, tiket akan dijual pada harga biasa yang akan diumumkan melalui laman web www.kualalumpurbike-show.com. **WK**